

قُلْ بِوْحَدَةٍ

PETIKAN TITAH

"MENGAPAKAH kegagalan itu boleh berlaku dan apa puncanya, mustahak dibutirkan selengkapnya faktor-faktor kegagalan tersebut, kerana ini sangat besar kegunaannya, di antaranya kita dapat belajar dari kesilapan dan juga dengan mengetahui kesilapan dan punca-puncanya kegagalannya. Kita pada masa-masa akan datang tidak lagi akan mengulanginya." - Titah Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قُلْ بِوْحَدَةٍ

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah az-Zumar, ayat 10).

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

5.01

5.11

6.28

6.51

12.31

3.44

6.32

7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 30

11 MAC 2017 / 1438 12 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan berangkat mengurniakan hadiah Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Jumaat, 10 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah anakanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bagi menyertai Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan di antara Pasukan Polo Brunei dan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Pasukan Polo Brunei diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, manakala Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army pula diketuai oleh Kolonel Rajesh Pattu.

Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan tersebut dianjurkan bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun.

Sebelum ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah mengadakan perlawanan serupa dengan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army.

Dalam perlawanan persembahan tersebut, Pasukan Brunei Polo mengalahkan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army dengan kiraan 10-4 dalam 4 chaka.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah ketika Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan di antara Pasukan Polo Brunei dan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman (Lihat muka 3 dan 4).



Guru dan sistem ibarat 'acuan'

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Guru dan sistem adalah ibarat 'acuan', sementara murid dan pelajar pula adalah hasil daripada acuan itu, kalau acuan bagus, tentu saja, apa yang terhasil akan pasti bagus juga.

beritah, perkara itu tidak dapat disangkal lagi, kalau guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar juga pasti mengikut lemah dan pincang.

"Inilah rahasianya, jika guru dan sistem pendidikan lemah. Kerana itu janganlah diabaikan sama sekali faktor guru dan sistem. Kalau berlaku kelemahan maka segeralah memeriksa guru dan sistem, bukannya menyalahkan murid dan pelajar," titah baginda pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masih berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn



Muka 6 & 7

BERANGKAT ke Musabaqah
Membaca Al-Quran
Peringkat Kebangsaan

TIMBALAN Mufti
hadiri Persidangan Am
Ke-27

Ambil perhatian dengan anasir melalui teknologi canggih

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyaraafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasabihee
Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula bersama-sama di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-Ahli MMN yang baru dilantik.

Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas Ahli-Ahli MMN di atas sumbangan mereka di dalam persidangan - persidangan majlis yang lalu.

Beta berharap dengan pelantikan ahli-ahli baru, akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan ini. Beta percaya ahli-ahli akan dapat menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.

Dalam persidangan inilah ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap mustahak.

Di antara isu mustahak itu ialah yang berkaitan dengan ekonomi. Kita semua sudah maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif.

Namun begitu, kita masih saja, perlu terus berwaspada, kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya. Maka kerana itu, kerajaan beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini, usaha ke arah ini sudah mula menampakkan kesannya, walaupun hasil yang diraih masih memerlukan masa.

Dari segi pelaburan, kita mula mendapati, banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju. Beberapa projek Pelaburan Langsung Asing akan memulakan operasi mereka, sementara ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan, sedang beberapa cadangan pelaburan baru lagi masih dalam penelitian.

Perkembangan ini tentunya positif, ia bukan saja dari sudut pengkuhan ekonomi, malahan juga kesan limpahnya akan dapat kita perolehi. Dari peningkatan aktiviti ekonomi akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara 2017 yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi.

untuk warga tempatan.

Namun, dengan perkembangan ini, janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati. Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan, kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.

Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Selaras dengan ini, beta telah pun memperkenankan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone). Dengan wujudnya zon ini, akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan, terutama dalam sektor pembuatan.

Satu lagi keutamaan kerajaan beta ialah meningkatkan nilai dan prestasi Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Syarikat-syarikat ini, termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing, akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khasnya di sektor bukan minyak dan gas.

Di samping itu, sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME). Selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan MSME ini, beta telah pun memperkenankan penubuhan SME Bank.

Penubuhan bank ini dapatlah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah (*accessible financing*), bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini. Bank ini akan beroperasi berdasarkan konsep Syariah (*Shariah compliant*).

Apapun rancangan, semuanya turut bergantung kepada sumber tenaga manusia. Inilah masalah kita. Di Brunei, sumber tenaga tempatan masih saja bermasalah. Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah, sudah dapat kerja di sektor swasta, tetapi tidak kekal lama, hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti, balik semula memilih jadi penganggur.

Berkaitan ini, beta telah memperkenankan Apprenticeship satu program untuk diwujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2017 insyaAllah. Ia akan dikenali Program I-RDY (*i-ready*), khusus sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan, sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama. Maka ke arah ini, pencapaian penuntut-penuntut dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan.

Maka untuk itu, agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan realistik serta *cost-effective*, agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Juga perlu diambil perhatian, bahawa pendidikan masa kini, tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja, tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi internet, yang boleh diakses dengan mudah dan cepat.

Namun dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih ini, kita juga dikehendaki supaya jangan larai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan, termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Semua ini boleh mengundang kepada bencana.

Beta berharap, semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, beta berharap Persidangan MMN tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saran-saran berasaskan tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

11 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 12 جمادى الآخر

PASTIKAN GURU-GURU 'PRIVATE' BERTAULIAH

SATU undang-undang khas telah digubal dan diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Baginda penuh yakin dengan berjalannya undang-undang ini, insyaAllah, tidak akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan terciri dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Dan tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran.

Bagai mencapai hasrat yang sungguh murni itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mewajibkan bagi setiap kanak-kanak Islam berumur 7 tahun sehingga umur 15 tahun, yang tinggal di Negara Brunei Darussalam untuk didaftarkan dalam pendidikan agama prasekolah dan sekolah rendah.

Perintah itu menekankan pendidikan agama mandatori untuk kanak-kanak yang lahir pada atau selepas 1 Januari dan telah mencapai umur 7 tahun dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapa adalah warganegara Brunei atau penduduk tetap, telah memenuhi semua keperluan untuk menyetai prasekolah dan pendidikan agama utama. Pendidikan agama erti pendidikan selaras dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kini lebih tiga tahun perintah tersebut dilaksanakan, sambutan dari ibu bapa dan keluarga Islam amat menggalakkan. Mereka amat ghairah bagi sama-sama menanai amanah dan tanggungjawab tersebut, agar negara mampu menghasilkan modal insan yang benar-benar boleh membawa negara ke tahap pembangunan yang lebih baik dan berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang sempurna.

Kejayaan dan kecemerlangan yang dicetuskan melalui Perintah Pendidikan Ugama Wajib lebih ketara lagi apabila telah ramai anak-anak kita kini mampu dan boleh membaca Al-Quran dan mengerjakan sembahyang dengan baik. Perkara ini tercetus adalah disebabkan dasar itu telah disambut baik oleh orang ramai, khasnya ibu bapa dan keluarga Islam yang begitu ghairah terhadap pendidikan ugama, sehingga selain menyekolahkan anak-anak ke sekolah ugama, ibu bapa juga, ada yang sampai menggunakan khidmat guru 'private' bagi mengajar tambahan anak-anak mereka mengajai Al-Quran dan memperbaiki amali sembahyang.

Kebajikan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi pada Khamis lepas merasakan keghairahan tersebut sangat bagus. Cuma orang ramai dan pihak-pihak berkenaan, hendaklah memastikan, yang guru-guru 'private' itu, sama ada mereka berjawapan guru ugama ataupun jawatan-jawatan khas lain, adalah dikehendaki untuk mempunyai tauliah mengajar Al-Quran atau ugama daripada Majlis Ugama Islam.

Memang tidak salah, malahan amat digalakkan kepada para ibu bapa yang mampu untuk mengupah guru-guru 'private' untuk anak-anak belajar Al-Quran dan amali sembahyang, tetapi hendaklah selaras dengan ketetapan undang-undang yang bertujuan bukan saja untuk menjamin mutu pengajaran, malah juga untuk mengawal kesihihan ajaran ugama menurut fahaman dan amalan di negara ini.

Pelajaran ugama yang ada setakat kini, titah Kebawah DYMM, hendaklah terus diperhatikan supaya mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah umum mestilah sentiasa dinilai keberkesanannya. Jadi di sinilah peranan para guru-guru dan sistem adalah ibarat 'acuan', sementara murid dan pelajar pula adalah hasil daripada acuan itu, kalau acuan bagus, tentu saja, apa yang terhasil akan pasti juga bagus.

Di sini dapat disimpulkan, jika guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar juga pasti mengikut lemah dan pincang. Dengan yang demikian walaupun Perintah Pendidikan Ugama Wajib pelajar sembahyang dengan Al-Quran mendapat sambutan, tetapi masih perlu diperhatikan. Dan guru adalah berperanan besar memikul tanggungjawab tersebut, kerana mereka adalah umpama lilin atau pelita. Di tangan mereka lah kejayaan murid-murid atau pelajar selain dari galakan dan sokongan ibu bapa atau keluarga. - Ketua Penyuntingan (Zs).



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

| Masihi | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------|--------|---------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|--------------|-------------|-------------|-------------|
| MAC | | | | | | | | | | |
| 11 | SABTU | 12 | 5.01 | 5.11 | 6.28 | 6.51 | 12.31 | 3.44 | 6.32 | 7.41 |
| 12 | AHAD | 13 | 5.01 | 5.11 | 6.28 | 6.50 | 12.31 | 3.43 | 6.32 | 7.41 |
| 13 | ISNIN | 14 | 5.00 | 5.10 | 6.27 | 6.50 | 12.31 | 3.42 | 6.32 | 7.41 |
| 14 | SELASA | 15 | 5.00 | 5.10 | 6.27 | 6.49 | 12.31 | 3.41 | 6.32 | 7.41 |
| 15 | RABU | 16 | 5.00 | 5.10 | 6.27 | 6.49 | 12.30 | 3.41 | 6.32 | 7.41 |
| 16 | KHAMIS | 17 | 4.59 | 5.09 | 6.26 | 6.48 | 12.30 | 3.40 | 6.32 | 7.41 |
| 17 | JUMAAT | 18 | 4.59 | 5.09 | 6.26 | 6.48 | 12.30 | 3.39 | 6.32 | 7.40 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT**

Berkenan berangkat mengurniakan hadiah Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan



GAMBAR kenangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah mengadakan perlawanan serupa dengan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army (atas kanan). Sementara gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambahan daripada Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army.



Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor / Morshidi,
Hamzah Mohidin, Dk. Nur Haiful Pg. Osman

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat untuk mengurniakan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.


Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul

Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Ke muka 4

BERANGKAT sama ialah paduka-paduka adinda dan anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah (kiri). Sementara gambar bawah, Pasukan Polo Brunei diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, manakala Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army pula diketuai oleh Kolonel Rajesh Pattu.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambahan yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India Ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick (atas). Sementara gambar kanan, baginda berbual mesra bersama paduka-paduka anakanda dan bersama Ketua Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army Kolonel Rajesh Pattu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah mengetuai Pasukan Polo Brunei berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army yang diketuai oleh Kolonel Rajesh Pattu.

Dari muka 3

Turut menyaksikan perlawanan tersebut ialah pemain-pemain polo Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Veteran.

Persembahan Polo Persahabatan berkenaan melambangkan persahabatan muhibah di antara kerajaan dan rakyat kedua-dua buah negara yang mana diharapkan akan dapat

mengukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sekian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India dalam pelbagai bidang bagi kepentingan bersama.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah semasa berkenan menyertai Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan di antara Pasukan Polo Brunei dan Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army.



ANTARA aksi Pasukan Polo 61 Cavalry Indian Army semasa Persembahan Perlawanan Polo Persahabatan tersebut (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian daripada orang-orang kenamaan dan jemputan khas hadir menyaksikan persembahan Perlawanan Polo Persahabatan berkenaan.

Guru dan sistem ibarat 'acuan'



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan tital pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masih di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 1

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mewajibkan pendidikan ugama menerusi persekolahan ugama dan persekolahan umum.

Baginda bertitah, dasar itu telah disambut baik, di mana buktinya orang ramai, khasnya

ibu bapa adalah begitu ghairah terhadap pendidikan ugama, sehingga selain menyekolahkan anak-anak ke sekolah ugama, ibu bapa juga, ada yang sampai menggunakan khidmat guru *private* bagi mengajar tambahan anak-anak mereka mengaji Al-Quran dan membaiki amali sembahyang.

"Ini juga sangat bagus. Cuma tinggal saja lagi, orang ramai dan pihak-pihak berkenaan,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masih. Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Mohd. Sahrizal Haji Said

"DARI statistik ini menunjukkan pelajaran sembahyang dan Al-Quran adalah masih perlu diperhatikan. Di sana masih wujud kelemahan, dan mengapa lemah, tentu saja berpunca dari faktor pengajaran dan pengawasan yang kurang berkesan."

hendaklah memastikan, yang guru-guru *private* itu, sama ada mereka berjawatan guru ugama ataupun jawatan-jawatan khas lain, adalah dikehendaki untuk mempunyai tauliah mengajar Al-Quran atau ugama daripada Majlis Ugama Islam," titah baginda.

Baginda seterusnya menyatakan, perkara itu adalah selaras dengan ketetapan undang-undang yang bertujuan bukan saja untuk menjamin mutu pengajaran, malah juga untuk mengawal kesahihan ajaran ugama menurut fahaman dan amalan kita di negara ini.

Pelajaran ugama yang ada setakat kini, titah baginda, hendaklah terus diperhatikan supaya mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah umum mestilah sentiasa dinilai keberkesanannya.

Menurut baginda perkara itu perlu kerana berdasarkan hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian adalah amat membimbangkan.

Berdasarkan hasil kajian yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan pada tahun lepas setelah dititahkan sendiri oleh baginda, menunjukkan, bahawa kira-kira 81 peratus murid dan pelajar adalah tidak melakukan sembahyang secara konsisten manakala empat peratus pula tidak pernah mengerjakan sembahyang langsung.

Dalam bidang membaca Al-Quran pula, tegas baginda, hanya 41 peratus sahaja yang membacanya secara konsisten, sementara 65 peratus adalah mereka yang masih merasakan kurang berkebolehan membaca dengan bertajwid.

"Dari statistik ini menunjukkan pelajaran sembahyang dan Al-Quran adalah masih perlu diperhatikan. Di sana masih wujud kelemahan, dan mengapa lemah, tentu saja berpunca dari

faktor pengajaran dan pengawasan yang kurang berkesan," titah baginda.

Berbalik tentang kerisauan mengenai hasil kajian sembahyang, tegas baginda, perkara itu janganan dipandang ringan, tetapi perlu ditangani secara bersepudu oleh semua agensi yang berkenaan, seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan, kelemahan di sekolah adalah satu perkara untuk diperbaiki dan di samping itu berlaku juga kurang penghayatan oleh pihak-pihak tertentu di dalam masyarakat.

Misalnya, menurut baginda, ada pihak sama ada agensi kerajaan atau bukan kerajaan apabila mengadakan satu-satu program atau acara, mereka tidak mengambil kira keperluan menunaikan sembahyang bagi peserta-pesertanya yang terdiri daripada anak-anak sekolah, para pelajar, belia dan lain-lain peserta.

"Ini tidak boleh terus berlaku. Jika sudah pernah berlaku, jangan diulang lagi. Fahamilah, bahawa ibadat sembahyang itu adalah fardu ain, wajib ditunaikan pada waktunya," titah Kebawah DYMM lagi.

Adapun apa jua program atau acara, tambah baginda, tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah menjelaskan ramai belia yang muncul dalam semua peringkat pertandingan yang merupakan adalah petanda baik, adanya minat yang besar para belia untuk mempelajari bacaan Al-Quran sehingga ke tahap pertandingan.

Untuk sampai ke satu tahap peningkatan dari segi bacaan, baginda menambah, Brunei perlu mempunyai kemudahan untuk mempelajari bacaan Al-Quran secara bertarannum.

Berangkat ke Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Oleh : Saerah Ghani, Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi,
Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M serta Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Republik Arab Mesir, iaitu Syeikh Yasser Mahmoud Abdelkhalek Ahmed.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam sembah alu-aluannya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk

menyempurnakan penutupan majlis musabaqah yang telah berlangsung selama dua malam dan berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah.

Yang Berhormat menyembahkan, sesungguhnya keberangkatan Kebawah DYMM serta kurnia titah adalah sentiasa dijunjung tinggi dan ia menyuntikkan semangat dan merangsang kegigihan untuk meningkatkan kemajuan negara, yang dalam konteks majlis ini ialah juga kemajuan ugama dan bidang perkhidmatan ugama.

Dalam sembah Yang Berhormat menjelaskan, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa tahun ini adalah untuk kali ke-57 diadakan.

"Bermula daripada tahun 1948 dengan anjuran oleh Jawatankuasa Masjid, hanya pada tahun 1960 ia diambil alih oleh kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dan mulai tahun 1960 itulah johan Musabaqah Peringkat Dewasa ini dihantar mewakili negara ke Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia," ujar sembah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, selama lebih 50 tahun penyertaan musabaqah yang berprestij di Kuala Lumpur itu negara kita telah 19 kali mendapat tempat, iaitu memenangi dua kali sebagai johan, lima kali menjadi naib johan dan dua belas kali menduduki tempat pemenang ketiga.

Tambah Yang Berhormat, secara ringkas dapat diristakan bahawa buat pertama kali pada tahun 1973 qari yang mewakili negara kita Allahyarham Awang Haji Mashud bin Awang Damit telah mendapat tempat ketiga dan empat tahun kemudian (1977) beliau telah menjadi johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur itu.

Kemudian sembah Yang Berhormat lagi, pada tahun 2001 sekali lagi negara kita menjadi johan melalui qariah, Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manap.

"Sementara lima kali kemenangan naib johan pula ialah menerusi Dayang Hajah Masni binti Abdul Manap (dua kali pada tahun 1980 dan 1983); Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof bin Bakar (1991); Dayang Hajah Norfaezah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Musabaqah sejurus berangkat tiba pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

binti Haji Emran (2010) dan menerusi Awangku Muhd. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki (2016) tahun lepas," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, negara kita juga telah menyandang tempat ketiga

sebanyak dua belas kali, iaitu lapan kali menerusi qariah dan selebihnya empat kali menerusi qari.

Jelas Yang Berhormat, tidak termasuk beberapa kemenangan dalam musabaqah menghafal yang negara kita diundang menyertainya, wakil-wakil negara kita juga pernah

meraih kemenangan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Rusia, Republik Islam Iran, Republik Indonesia, Thailand dan di negeri Melaka.

Ke muka 7



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1438H / 2017M sejurus berangkat tiba di ICC, Berakas.



PARA qari jemputan dari Republik Arab Mesir dan Republik Indonesia hadir pada majlis tersebut. Juga kelihatan para qari musabaqah (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyembahkan ucapan alu-aluan semasa musabaqah tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan hadiah kepada johan qari, Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki.

Dari muka 6

Maka sesungguhnya tambah Yang Berhormat lagi, kejayaan-kejayaan tersebut menunjukkan negara kita secara bermusim mampu melahirkan qari dan qariah yang dapat dihadalkan untuk menyaingi qari dan qariah luar negeri.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, seramai 12 peserta telah bertanding di Musabaqah selama dua malam di mana 10 darinya merupakan peserta yang mendapat markah tertinggi peringkat separuh akhir, manakala dua peserta pula adalah johan qari dan johan qariah sebagai peserta menunggu, yang mana kedua-dua johan qari dan qariah ini telah pun mengharumkan nama negara dengan mendapat naib johan dan tempat ketiga pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun lepas.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan mengurnikan titah dan kemudian dijunjung menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah, cenderamata dan sijil kepada para peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M, para hakim musabaqah dan qari jemputan.

Dengan mengutip markah 91.83 peratus, johan qari dimenangi oleh Awangku Muhammad Adibul Amin

bin Pengiran Haji Marjuki.

Naib johan disandang oleh Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah dengan meraih markah 89.75 peratus, manakala tempat ketiga disandang Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya dengan markah 89.5 peratus.

Sementara johan qariah diraih oleh Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit dengan mengutip markah 89.84 peratus.

Naib johan dimenangi oleh Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran dengan markah 88.42 peratus, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya dengan markah 87.08 peratus.

Johan qari dan qariah membawa pulang piala pusingan, wang tunai BND7,000 dan hadiah irungan serta sijil serta Paket Umrah Darussalam Holding berjumlah BND4,000. Tajaan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad.

Manakala naib johan qari dan qariah masing-masing membawa pulang wang tunai BND5,000 dan hadiah irungan serta sijil, sementara tempat ketiga qari dan qariah pula membawa pulang wang tunai BND3,000 berserta hadiah irungan dan sijil.

Hadiah penghargaan qari dan qariah juga membawa pulang wang tunai BND1,500 berserta hadiah

iringan dan sijil.

Pengumuman musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah dan sijil kepada johan

qari dan qariah serta peserta lain, hakim-hakim pertandingan dan qari jemputan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437H / 2016M.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh johan qari dan qariah, Awangku

Muhammad Adibul Amin dan Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Sri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan hadiah kepada johan qariah, Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja semasa berkenan menerima junjung ziarah.



SEBAHAGIAN jemputan khas wanita yang hadir pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M.



PERSEMBAHAN bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Republik Arab Mesir, iaitu Syeikh Yasser Mahmoud Abdelkhalek Ahmed.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sebagaimana yang telah dimaklumi sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dalam sama-sama berusaha meningkatkan kemahiran celik kewangan atau *financial literacy skill* masyarakat demi menjamin kesejahteraan kewangan mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, ini termasuklah memberi dukungan yang berterusan oleh agensi-agensi

Kemahiran celik kewangan ditingkatkan

Laporan : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Masri Osman, Muhammmad Asri Haji Awang Abas

kewangan di Negara Brunei Darussalam ini.

Pada tahun 2015, AMBD dengan kerjasama Center of Strategic Policy Studies (CSPS) jelas Yang Berhormat, telah melaksanakan sebuah kajian menyeluruh seluruh negara, iaitu Nation Wide Research mengenai celik kewangan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa memberikan penerangan mengenai pandangan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari berkaitan dengan literasi kewangan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 yang bersidang pada sebelah petang hari ketiga di Bangunan Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat menambah, antara objektif kajian tersebut adalah untuk menilai tahap celik kewangan dan keupayaan kewangan *financial capability* masyarakat Negara Brunei Darussalam dan hasil

daripada kajian tersebut beberapa cadangan dasar termasuk amalan terbaik (*the best practices*) telah pun digariskan yang mana bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran celik kewangan ini.

"Pada 28 Mei 2015, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengurus Lembaga Pengarah AMBD telah mengisyiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Menabung Kebangsaan menyemai ia juga meningkatkan kesedaran orang ramai kumpulan simpanan pada tahun 2016 dengan Kementerian Kewangan institusi-institusi kewangan pihak AMBD telah mengisyiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Menabung Kebangsaan," tambah Menteri Hal Ehwal Negeri yang juga selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD.

Antara objektif Hari Menabung Kebangsaan itu jelas Yang

Berhormat adalah membarigakan kepentingan untuk menyemai dan menerapkan budaya menabung di kalangan seluruh masyarakat di negara ini. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan, meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai pentingnya pengurusan kewangan yang berhemat termasuk perancangan kewangan, pengurusan hutang dan pengumpulan simpanan.

Yang Berhormat menambah, pada tahun 2016, AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan telah mengadakan Jerayawara Celik Kewangan ke sekolah-sekolah rendah.

"Ianya juga turut disertai oleh institusi-institusi kewangan dan Junior Achievement Brunei. Pihak AMDB juga telah mengadakan Financial Funfare yang mana sasarnya adalah bagi orang ramai terutama keluarga diberikan pendidikan kewangan melalui aktiviti-aktiviti dan permainan *interactive*," tambah Yang Berhormat.

Selain daripada itu dalam tahun 2016, AMBD juga terang Yang Berhormat telah mengadakan program-program yang menyasarkan kumpulan-kumpulan tertentu dan ini termasuklah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

taklimat-taklimat mengenai celik kewangan, Biro Kredit dan mata wang bagi kementerian-kementerian dan institusi-institusi pendidikan.

AMBD juga katanya telah mengeluarkan beberapa artikel dan tutorial mengenai celik kewangan dari masa ke semasa demi untuk memperluaskan lagi penyebaran pendidikan kepada masyarakat.

Berjimat menggunakan barang subsidi



YANG Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, kita selaku rakyat perlu berjimat dalam barang-barang yang bersubsidi supaya sekurang-kurangnya membantu kerajaan mengurangkan subsidi berkenaan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan dari Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad yang menyentuh mengenai subsidi kerajaan kepada rakyat pada Persidangan MMN sesi pagi hari ketiga di Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, subsidi bekalan beras dan gula dalam setahun ialah antara BND12 juta - BND20 juta.

Tenaga elektrik dalam tahun 2011 / 2012 sebanyak BND48 juta. Dalam Tahun Kewangan 2013 / 2014 sebanyak BND97 juta iaitu sebelum ada tarif baharu.

Minyak kendaraan semenjak tahun 2010 / 2011 yakni bergantung

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Azmah Haji Ahad

kepada harga minyak, kalau harga minyak naik jadi subsidiinya memang meningkat hingga tahun 2012 / 2013 BND390 juta.

Pada tahun 2013 / 2014, 2014 / 2015 BND328 juta dan 2015 / 2016 disebabkan oleh turunnya harga minyak hingga BND30 juta maka kitani punya subsidi hingga BND160 juta.

Kalau kitani melihat subsidi perumahan, kerajaan membina perumahan dalam Rancangan Perumahan Negara ataupun Rakyat Jati, berserta infrastruktur dan sebagainya.

Sebuah rumah itu subsidiannya ialah lebih seratus ribu ringgit. Kita hanya mengenakan bayaran kepada rakyat BND70 ribu. Jadi, *range of subsidy* sebuah rumah itu di antara BND41 ribu ke BND70 ribu.

Manakala Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmine bin Haji Umar pula menjelaskan, melalui pengalaman tentang reformasi ataupun tarif baharu sejak pengenalan pada 2012 / 2013, rakyat Brunei jika sama-sama membarigakan dan membimbangi mereka nampak perbezaannya kerana pada masa ini sahaja 98 peratus rakyat Brunei telah pun berhijrah kepada mood penjimat dalam penggunaan elektrik.

Data tersebut katanya, adalah data yang sebenarnya (*real time data*).

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan mengenai cabarannya iaitu bagaimana mendidik yang dua peratus yang tidak memenuhi *mood saving*.

Yang Berhormat menambah, jika kedua-dua belah pihak, iaitu pihak kerajaan dan rakyat bersama-sama berjimat seperti reformasi tarif tersebut, kita dapat menumpukan subsidi kepada orang yang benar-benar memerlukannya.

Kembangkan produk tempatan tembusi pasaran antarabangsa

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP), Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Darussalam Enterprise (DARe) bekerjasama erat dan bergabung usaha untuk mengembangkan perdagangan dan memperkenalkan produk-produk tempatan.

Dalam hubungan itu, Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dan peniaga-peniaga Satu Produk Satu Kampung (1K1P) boleh menyertai pameran antarabangsa dan *trade mission* yang tertentu dengan menerima bantuan dari pihak kerajaan melalui bajet misi perdagangan dan pada tahun kewangan 2016-2017, KHELNP telah menyediakan bantuan peruntukan bajet sebanyak BND500 ribu bagi penyertaan PMKS di ekspo *trade mission* antarabangsa.

Menyatakan perkara tersebut semasa menambah jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, bajet tersebut diperuntukkan untuk menyediakan petak pameran penyewaan peralatan dan penghantaran barang di samping tajaan tempat penginapan dan tiket penerbangan PMKS dan juga 1K1P yang menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan *trade mission*.

Pemilihan syarikat-syarikat yang layak bagi menyertainya jelas Yang Berhormat adalah berdasarkan kelayakan seperti bersedia untuk menerima permintaan yang berjumlah besar produk yang

berpotensi untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa dan layak diberi pendedahan mengenai pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat menyatakan setakat ini semenjak tahun 2016, kerajaan telah mengikuti 11 buah ekspo dan satu *trade mission* yang melibatkan 71 buah PMKS dalam penyertaan mereka pada ekspo-ekspo yang diadakan di Sabah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Makasa, Singapura, Jepun, China, Oman dan Korea Selatan.

Antara sektor-sektor yang diketengahkan adalah sektor makanan, kosmetik, *pharmaceutical* halal, ICT, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan dan pelancongan termasuk termasuk produk-produk kosmetik yang berasaskan madu kelulut, minyak kelapa dara seperti sabun, losyen dan minyak harum.

PMKS tambah Yang Berhormat juga telah mempamerkan produk-produk kampung dan halal buatan

tempatan termasuk makanan kering dan basah seperti keropok, biskut, kacang jagus berempah, sos cili, makanan mentah dan sebagainya.

"Alhamdulillah, beberapa produk tempatan telah berjaya menembusi pasaran anatarabangsa seperti di Indonesia, Singapura dan China. Semasa pameran-pameran perdagangan ini juga PMKS telah diberi peluang untuk menjalinkan dan mengembangkan rangkaian perniagaan mereka," ujarnya

Pada tahun 2017-2018 pula, kerajaan akan terus menyertai ekspo di luar negeri dengan memberikan tumpuan kepada sektor-sektor halal, ICT, pelancongan, perkhidmatan dan *down-stream*, minyak dan gas termasuk 1K1P.

Yang Berhormat menjelaskan, tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam untuk menjadi *country of owner* semasa ekspo China-ASEAN Ke-14 yang akan diadakan pada bulan September di Nanning, Republik Rakyat China.

"Kerajaan insyaAllah akan membawa 100 buah syarikat termasuk PMKS dan syarikat-syarikat 1K1P dengan harapan untuk memberi pendedahan kepada produk-produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negara," katanya lagi.

Selain dari pernyataan ekspo antarabangsa tambahnya, ekspo tempatan juga akan diadakan mengenai pasti produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negara.

Ke arah ini, satu ekspo PMKS akan diadakan pada bulan Mei 2017 nanti untuk memperkenalkan dan mempromosikan barang buatan Negara Brunei Darussalam.

Ekspo itu nanti dibukakan kepada 200 buah syarikat tempatan yang berminat selain penyertaan dari Sabah, Sarawak, Viet Nam dan China.

Bincang tajuk di bawah empat kementerian



Laporan : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis memasuki hari ketiga hari ini dengan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Sesi Permesyuaratan masih lagi membahaskan Perkara VI (Enam) Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017 / 2018 yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, pada petang semalam. Rang tersebut masih lagi dibahaskan di peringkat jawatankuasa.



Antara tajuk-tajuk yang diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual pada Sesi Permesyuaratan hari ini adalah Tajuk-Tajuk Di Bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA15A hingga SA25A, Tajuk-Tajuk Di Bawah Kementerian Pertahanan iaitu SB01A hingga SB04A, Tajuk-Tajuk Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP), iaitu SC01A dan Tajuk-Tajuk Di Bawah Kementerian Kewangan iaitu SD01A hingga SD09A.

Inisiatif wujudkan perniagaan kondusif, kompetitif terus dilaksanakan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Sepanjang Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya, dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, telah melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam usaha meningkatkan lagi tahap produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan pihak swasta, serta juga dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif.

Ini secara langsung akan dapat mendukung pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat dan *sustainable* serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia tempatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan demikian dalam ucapan mukadimahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung pada sebelah petang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Inisiatif-inisiatif ini ujar Yang Berhormat termasuk mengurangkan kadar Cukai Pegangan (Withholding Tax) bagi bayaran faedah pinjaman (*loan interest*) diturunkan kepada 2.5% sahaja dan bayaran khidmat pengurusan (*management fees*) dikurangkan kepada 10%.

Yang Berhormat turut menjelaskan mengenai pengemaskinan kadar Cukai Kastam (Cukai Import dan Cukai Eksais) yang berkuat kuasa mulai 1 April 2017 termasuk pengurangan cukai kastam ke atas mesin-mesin industri, termasuk alat-alat ganti dan alat-alat ganti kenderaan berat dan jentera berat.

Pemasangan Mesin Pengimbas Kenderaan di Pos-Pos Kawalan, menurutnya, bagi mempercepatkan pelepasan dan pemeriksaan barang tanpa mengenepikan aspek keselamatan negara di samping

meneruskan usaha mengintegrasikan sistem Electronic Ports Information System (ePIS) dengan Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW) bagi memudahkan lagi proses deklarasi kastam.

"Setakat ini, 20 agensi kerajaan telah menggunakan BDNSW sebagai platform memberikan kelulusan import permit. Sebahagian agensi, iaitu AiTi dan Bahagian Kawalan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan telah mula menggunakan modul Auto-Approve di dalam BDNSW," jelas Yang Berhormat.

Inisiatif tersebut, ujar Yang Berhormat, mengintegrasikan BDNSW dengan Sistem E-Payment Gateway bagi membolehkan pembayaran secara *online* mulai 1 April 2016.

Bermula 1 Disember 2016, tambahnya, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah memulakan perkhidmatan secara 24 jam / 7 hari seminggu di Muara Container Terminal yang mana inisiatif ini dihasilkan agar dapat meningkatkan

lagi efisiensi kegiatan import dan eksport di negara ini.

Yang Berhormat juga menyatakan, pengenalan Code of Ethics for Professional Accountants telah bermula 1 Januari 2017 manakala Brunei Darussalam Accounting Standards (BDAS) akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 nanti.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, memperkenalkan Perintah Ketidaksovenan, 2016 bagi penstrukturkan semula dan pemulihan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara.

Penubuhan Income Tax 'Board of Review' katanya, bagi meneliti kes-kes bantahan taksiran cukai pendapatan daripada syarikat-syarikat, untuk mewujudkan pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama, di samping untuk meningkatkan usaha kutipan tunggakan.

Dalam pada itu, sebagai usaha meningkatkan produktiviti dan keberkesanannya perkhdmatan awam serta untuk mengawal kos operasi, inisiatif-inisiatif untuk *streamlining* struktur organisasi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatannya

dilaksanakan yang antara lainnya melibatkan langkah-langkah seperti penyeronohan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Kementerian Kewangan ke Jabatan Perbendaharaan dan pencantuman beberapa Bahagian di Kementerian Kewangan dan Jabatan di bawahnya.

Gabungan Unit-Unit Audit Dalaman di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan kepada satu Unit Audit Dalaman sahaja, dan seterusnya menujuhkan satu Jawatankuasa Audit Dalaman di peringkat kementerian bagi meningkatkan kapasiti dan keberkesanannya fungsi Audit Dalaman dan seterusnya mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga manusia dan menujuhkan Delivery Unit, dengan peranan utamanya untuk memantau, memudah cara dan memastikan Perancangan Strategik Kementerian Kewangan dilaksanakan secara efisien dan berkesan.

Yang Berhormat berkata, dalam usaha untuk meningkatkan hasil, Sistem Penyewaan Fasiliti atau Facilities Rental System (FRS) diperkenalkan yang membolehkan orang ramai menyewa kemudahan

sukan, riadah dan lain-lain di jabatan-jabatan kerajaan, termasuk sekolah-sekolah.

Sejak pengenalan pada 1 September 2016 jelas Yang Berhormat, sebanyak 114 fasiliti telah dibuka dengan jumlah kutipan hasil sehingga bulan Februari 2017 berjumlah sebanyak BND74,383.

Sementara itu tambahnya, bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pembayaran, langkah-langkah pemberian telah dilaksanakan seperti penambahbaikan dan penguatkuasaan penggunaan modul Kontrak dan Purchase Order, mengadakan Email Notification dan penambahbaikan modul Housing Loan di dalam Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS), serta mengadakan SMS Notification.

Mengenai penubuhan Vendor Clinic di Jabatan Perbendaharaan, Yang Berhormat Pehin seterusnya menyatakan, sehingga 27 Februari 2017 sejumlah 922 dari 1,408 (66%) aduan telah dapat diselesaikan yang melibatkan pembayaran sebanyak BND53,464,082.41 (93.47%) daripada sejumlah BND57,199 juta yang tertunggak.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan yang menghadiri Persidangan Majlis Mesyuarat Negara berkenaan.

Isu-isu kepentingan pertahanan terus dimantapkan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Pada Tahun Kewangan 2017/2018, Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak BND451,790,210.00.

Jumlah tersebut, adalah menurun sebanyak 20 peratus, iaitu BND112,860,330.00 dari peruntukan pada Tahun Kewangan yang lalu.

Secara ringkas peruntukan kewangan yang disediakan bagi Kementerian Pertahanan adalah seperti Pembayaran Gaji keseluruhannya berjumlah BND288,236,670.00; dan Perbelanjaan Lain-Lain Belanja Tahunan yang Berulang-Ulang BND163,553,540.00.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Azmah Haji Ahad

Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan tumpuan dan keutamaan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 dalam ucapan Mukadimah Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN, berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, antara fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan adalah seperti untuk mengambil pendekatan berdaya maju yang terbaik dalam meningkatkan keberkesanan dalam menyelaraskan strategi Kementerian Pertahanan ke arah memantapkan perlindungan isu-isu kepentingan negara; Menambah baik tahap kesiapsiagaan dari segi keupayaan tentera bagi menjamin keselamatan negara; Meningkatkan diplomasi pertahanan melalui perjanjian persefahaman, pertukaran lawatan, latihan ketenteraan, pertukaran perisikan, pelantikan Atase / Penasihat Pertahanan, serta latihan dan kursus, pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa dalam sama-sama mencegah ancaman-ancaman keselamatan yang kian kompleks dan mencabar, terutamanya ancaman keselamatan yang merentasi sempadan; dan Memperkuatkan usaha sama padu bersama agensi-agensi tempatan dalam mendukung keupayaan masing-masing bagi misi-misi yang sewajarnya pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai keperluan untuk meningkatkan pendekatan *whole of nation approach* di antara agensi-agensi kerajaan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Fokus ini, menurut Yang Berhormat, mengambil kira akan cabaran, konsep pemahaman ancaman keselamatan yang telah berubah dalam arus globalisasi dan integrasi yang semakin mendalam.

Semua ini sebahagian besarnya telah membawa pergeseran persekitaran keselamatan yang bersifat dinamik serta tambahan kepada spektrum ancaman yang kini bukan saja merangkumi ancaman bentuk tradisional tetapi juga bentuk baru (bukan tradisional)," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat menjelaskan, penggunaan aset secara optima dan efektif akan menjadi pemandangan kepada pencapaian keutamaan-keutamaan Kementerian Pertahanan, seperti dalam menangani ketahanan keupayaan tentera, usaha penyelarasannya terus dilaksanakan ke atas rangka kerja pengurusan sumber bagi menjana keupayaan dengan lebih holistik, sistematis dan proaktif; di samping bagi memastikan pemeliharaan aset dan penyelarasannya bantuan logistik secara mampu dan berkesan.

Sementara dalam meningkatkan pengurusan aset, kadar keusungan dengan kepesatan perkembangan teknologi dalam bidang pertahanan, Kementerian Pertahanan telah mengambil pendekatan melalui *smart buyer of defence technology*

dalam mendukung konsep misi operasi dengan teknologi ketenteraan yang bersesuaian, efektif, mampu dan mempunyai keupayaan rantaian bekalan yang berterusan

Fokus seterusnya ialah untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti sumber tenaga manusia, yang memerlukan modal insan berkemahiran, berpengetahuan dan dinamik yang sentiasa berusaha meningkatkan tahap produktiviti melalui keupayaan teknologi dan inovasi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kementerian Pertahanan juga tidak terkecuali dalam merancang perubahan-perubahan dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu yang inovatif sebagai langkah kepada penjimatkan perbelanjaan dan pengurusan kewangan yang berhemah dengan inisiatif-inisiatif yang antara lainnya seperti Penubuhan 'Taskforce' Jimat sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan Kementerian Pertahanan dalam memastikan perbelanjaan berhemah dan mengelakkkan pembaziran dilaratkan kepada semua peringkat operasi, yang mana berperanan untuk meneliti *cost drivers* dari perbelanjaan jabatan-jabatan Tentera dan Awam di bawah Kementerian Pertahanan.

Seterusnya jelas Yang Berhormat, rancangan untuk memperkenalkan sistem E-Mart, iaitu satu sistem elektronik logistik ke arah penyediaan, penyelenggaraan serta pengagihan pakaian-pakaian, peralatan guna-pakai perseorangan anggota tentera dengan mengikut kawalan kadar atau *entitlement* yang telah ditetapkan pada setiap individu; Memaksimumkan peluang kerjasama dengan negara-negara sahabat dalam bentuk pembangunan kapasiti; dan Menjalankan kajian mengenai peluang-peluang perkembangan



defence support industry di negara ini dengan meninjau potensi pembangunan asas industri tempatan untuk menyumbang kepada Kementerian Pertahanan khususnya dan pertumbuhan ekonomi negara secara amnya terutama dalam keperluan perkhidmatan bantuan misalnya pemeliharaan peralatan-peralatan, jentera, kenderaan dan seumpamanya.

Kesemua perancangan dan sasaran-sasaran tersebut jelas Yang Berhormat, dilaksanakan menggunakan rangka kerja strategik Kementerian Pertahanan bagi memastikan pelaksanaan projek-projek dan pelan-pelan tindakan tersebut dicapai dengan berkesan serta berdaya tahan.

Tambahnya, Panduan Strategik Pertahanan (Defence Strategic Guidance) tahun 2016 / 2017 yang bertemakan 'Kemampuan Melalui Pengurusan Sumber Secara Bijak Disertai Pembangunan Keupayaan Seimbang' akan terus dijadikan rujukan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 dalam melaksanakan projek-projek dan pelan-pelan tindakan yang sedang berjalan maupun yang sedang dirancang.

Negara terus amalkan dasar luar yang positif



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 8 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, (KHELNP) telah diperuntukkan sebanyak BND107,692,930.00 bagi penyediaan Rang Belanjawan bagi Tahun 2017 / 2018.

Perbelanjaan ini termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng ketika memberikan ucapan mukadimah pada hari ketiga, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Peruntukan tersebut menurut Yang Berhormat, diharapkan akan dapat membantu KHELNP untuk terus menjaga kepentingan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam iaitu *our national interest and security* dari segi dasar luar negeri di samping meningkatkan dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama dengan negara-negara luar untuk mencapai manfaat bersama (*mutual benefits*), serta menaikkan imej negara di arena antarabangsa.

Yang Berhormat menegaskan, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan dasar luar yang positif dengan bersandarkan kepada prinsip-prinsip berbaik baik; *mutual respect; equality; and non-interference;* untuk memastikan matlamat-matlamat seperti

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Azmah Haji Ahad

kedaulatan (*sovereignty*) negara ini dihormati serta kepentingan negara terus terpelihara.

Di samping itu, prinsip-prinsip seperti penyelesaian sebarang pertikaian secara aman; bekerjasama untuk faedah bersama; dan perdagangan bebas juga akan terus menjadi sandaran dasar luar kita sepertimana yang sudah-sudah, jelas Yang Berhormat.

Kesemua sandaran itu, jelas Yang Berhormat, adalah konsisten dengan nilai-nilai negara Melayu Islam Beraja, iaitu berbaik-baik, *tolerance*, *pemedulian*, *caring society* dan juga *tolong-menolong*.

Yang Berhormat percaya, dasar tersebut telah banyak menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan berterusan negara ini.

Dan seterusnya berjaya meraih rasa hormat negara-negara lain kepada Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, sehingga kini, Negara Brunei Darussalam telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan 170 buah negara dan mempunyai

sebanyak 43 perwakilan di negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Melalui jalinan dengan negara-negara sahabat tersebut, bekerjasama telah dapat dikuatkuasakan dan kedaulatan negara terus terselar di mata dunia.

Bagi mengekalkan kerjasama tersebut, KHELNP akan terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain dalam menyelaraskan dasar perdagangan dua hala, serantau dan antarabangsa melalui pembukaan laluan pasaran luar negeri bagi peniaga tempatan, mempromosikan perdagangan bebas dan menarik pelaburan asing ke Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat.

Dengan yang demikian, tegas Yang Berhormat, kementeriannya akan terus menyokong dengan sepenuhnya usaha Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dalam mempelbagaikan ekonomi negara ini bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik dan mampu.

"Semua ini diharap akan memberi peluang dan insentif bagi perusahaan-perusahaan tempatan kita untuk bersaing dan memupuk semangat inovasi dengan adanya pendedahan kepada pasaran antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat KHELNP juga akan menghadapi banyak cabaran-cabaran dalam mempertahankan *peace and stability* dan juga *economic development* di rantau Asia-Pasifik ini. Di antaranya termasuklah pertama *major power relations*; kedua *role of ASEAN* dalam *international relations*; ketiga, cabaran-cabaran berkenaan dengan *climate change*, *disaster management*, *pandemic diseases*, dan teknologi yang diamalkan sebagai 'Fourth Industrial Revolution'.

Menerusi perhubungan dengan negara-negara luar pula, jelas Yang Berhormat, adalah dilihat melalui pembangunan pesat negara-negara lain di peringkat antarabangsa dan global, cabaran untuk negara mempersiapkan generasi kini dan akan datang untuk terus bersedia dalam realiti kehidupan baharu yang terus relevan dalam dunia global ini.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Cadangan peruntukan gaji dan perbelanjaan berulang-ulang sebanyak BND752,757,245 telah disokong untuk disediakan bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara itu ketika menyampaikan mukadimahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Kementerian Kewangan tekankan perbelanjaan secara berhemah

Laporan : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dewan Majlis, di sini.

Jumlah tersebut berkurangan sebanyak kira-kira BND272,023,675 dari peruntukan Tahun Kewangan 2016 / 2017 (BND1,024,780,920), pengurangan tersebut jelas Yang Berhormat, antara lain mengambil kira penyediaan peruntukan sebanyak BND300 juta untuk Projek Jambatan Temburong di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan yang sebelumnya disediakan di bawah akaun Perkhidmatan Rampaihan, Jabatan Kementerian Kewangan dan dipindah kepada peruntukan Kemajuan Negara.

Pada Tahun Kewangan 2017 / 2018, Yang Berhormat menerangkan, Kementerian Kewangan akan terus memberi penekanan kepada perbelanjaan secara berhemah, meningkatkan produktiviti negara bagi perkhidmatan di bawah Kementerian Kewangan, mempelbagaikan aktiviti dan asas ekonomi negara dengan memudahkan perniagaan, membina

kapasiti dan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dan memelihara kesejahteraan awam, meliputi aspek kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan negara dan masyarakat.

Tambah Yang Berhormat, selaras dengan keutamaan tersebut perancangan dan pelan tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada melaksanakan usaha-usaha dan langkah-langkah seperti menggabungkan perbelanjaan biasa (*ordinary expenditure*) dengan perbelanjaan RKN, manakala perbelanjaan khas akan ditiadakan, meningkatkan kutipan dan memperluaskan asas sumber hasil pendapatan; melaksanakan inisiatif berterusan bagi mengukuhkan pembangunan model insan melalui pelaksanaan program-program pembangunan, pengurusan dan kepimpinan Kementerian Kewangan (MOF Lead Program) dan meneruskan pengendalian *vendor clinic* dan pemantauan *system invoice tracking* bagi menangani



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

isu pembayaran lambat.

Peruntukan Kementerian Kewangan bagi gaji kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak BND55,325,865.00 manakala perbelanjaan berulang-ulang disokong sebanyak BND697,431,380.00, ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai perbelanjaan berulang-ulang, Yang

Berhormat seterusnya menjelaskan ia di bawah perkhidmatan rampaihan dengan peruntukan sebanyak BND541,199,982.00 adalah untuk diguna sama bagi semua kementerian di jabatan-jabatan kerajaan seperti peruntukan perbelanjaan eluan cuti dan tambang, rawatan pakar dan penasihat, eluan pelajaran yang dipohonkan oleh semua pegawai dan kakitangan kerajaan.



MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamantari Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Pada tahun ini, pengeluaran minyak negara dijangkakan sebanyak 134,000 tong sehari berbanding dengan 139,000 tong sehari pada tahun 2016.

Penurunan ini antara lain disebabkan oleh *natural decline*, penangguhan (*deferment*) serta komitmen negara kepada OPEC.

Sementara itu, pada tahun 2016, sektor minyak dan gas berjaya meningkatkan jumlah keseluruhan sumber dan rizab minyak sebanyak 94 juta BOE, yang meningkatkan jangka hayat rizab minyak dan gas ke tahap 53 tahun.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamantari Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menyampaikan mukadimahnya bagi Jabatan Tenaga dan Perindustrian,

Pengeluaran minyak negara dijangka 134,000 tong sehari

Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) seterusnya menyatakan peranan utama sektor tenaga adalah untuk memastikan khazanah hidrokarbon negara dimajukan secara berdaya tahan.

Mengenai sumber tenaga yang diperbaharui, Yang Berhormat menjelaskan, satu projek solar berskala besar akan dikendalikan di Daerah Temburong bagi menggantikan Jana Kuasa Stesen Belingos yang beroperasi menggunakan diesel.

Projek tersebut menurutnya akan dijangka siap bagi fasa pertama dalam tahun ini yang mana akan memberikan penjimatan sebanyak 23 peratus pada fasa pertama.

Dalam hal perkhidmatan elektrik pula, Yang Berhormat menjelaskan, beberapa inisiatif telah dibuat dalam peningkatan reliabiliti tenaga elektrik termasuk pengurangan 67 peratus gangguan elektrik sejak 2010.

"Sejak pengenalan reformasi *tariff* bagi perumahan pada 2011, penggunaan tenaga telah menurun sebanyak 12 peratus dan penurunan ini kalau kita lihat daripada segi pertumbuhan keperluan tenaga ini dalam 4 peratus adalah sangat signifikan. Amalan penjimatan elektrik juga diteruskan di bangunan-bangunan kerajaan yang telah menjimatkan sebanyak BND16 juta setahun."

Tunggakan juga semakin menurun, dan kaola juga ingin memaklumkan bahawa hala tuju operasi bagi JPE adalah bagi sektor *generation* diswastakan melalui pemindahan aset ke dalam Darussalam Assets

dalam masa yang terdekat ini," terang Yang Berhormat pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi sektor perindustrian, isu Pelaburan Langsung Asing (FDI) katanya, sudah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam mukadimahnya yang mana FDI tersebut akan memainkan peranan penting dengan penjanaan kesan limpahan ekonomik (*economic spin-off*) dan peluang pekerjaan bagi PMKS tempatan.

Dalam hal itu, usaha akan dipertingkatkan bagi membangunkan PMKS dan seterusnya memantapkan lagi suasana ekosistem perniagaan dan meningkatkan urus tadbir koperasi.

Menyentuh tentang koperasi, Yang Berhormat menyatakan pada masa ini tadbir urus koperasi kurang efektif sejak beberapa tahun.

Kini jelasnya, hanya 69 daripada 161 koperasi yang aktif menjalankan perniagaan manakala pada tahun 2017, kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan tadbir urus koperasi membangunkan koperasi yang berdaya saing di peringkat antarabangsa, mengukuhkan koperasi dengan mengenalkan 'Code of Practice and Financial Health Clinic', Program Latihan Asas Kecekapan mulai Mac 2017 dan seterusnya menggalakkan koperasi berkecimpung dalam industri berorientasikan eksport seperti akuakultur dan madu kelulut.

Ke arah menangani pembangunan PMKS, Darussalam Enterprise (DARe) tegasnya, telah menjalankan beberapa program peningkatan keupayaan *entrepreneurship* seperti melalui program latihan Akademi Bisnes Perindustrian (IBA) bagi 842 peserta, *start-up bootcamp* bagi 65 peserta, dan Skim Pembentukan Mikro Kredit sejak Oktober 2016.

"Pada tahun 2017, tumpuan akan diberikan kepada memantapkan lagi suasana ekosistem PMKS seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam mukadimahnya," terang Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif EGNC pula telah memperkuatkkan perkhidmatan dan infrastruktur guna sama kerajaan. Penggunaan One Government Network (OGN) telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 33.6 peratus dan perkhidmatan One Government Private Cloud telah menjimatkan kos sebanyak 42.38 peratus.

Pada masa yang sama, usaha sedang giat dijalankan bagi *capacity building* untuk industri ICT tempatan, dengan dasar Local Business Development (LBD) yang baru dikuatkuasakan pada 1 Mac ini dijangka akan menjana sekurang-kurangnya 25 projek

IT setiap tahun. Pembangunan Perniagaan Tempatan telah menampakkan peningkatan di sektor minyak dan gas. Kandungan Perbelanjaan Tempatan telah meningkat sebanyak 40 peratus dari tahun 2010 hingga ke tahun 2016 sejak pengeluaran Arahan-Arahan Local Business Directive I dan II.

Setakat ini, seramai 12,966 orang yang berdaftar dalam sistem Job Centre Brunei, daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,562 pencari kerja graduan katanya, akan dibantu melalui skim I-RDY dan yang selebihnya akan diserap melalui *start-up programme* yang disarankan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Manakala itu, bagi pencari kerja bukan graduan sebanyak 4,000 jawatan yang disasarkan melalui *succession planning* dan sebanyak 3,000 lagi akan disasarkan bagi Program 'Industry Competency Framework' yang juga akan sentiasa berusaha, di samping bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam hasrat bagi peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara boleh dicapai dengan kerjasama sektor awam, swasta dan orang ramai.



Lebih BND131 juta diperuntukkan bagi KHEDN

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diteruskan lagi pada hari keempat dengan meluluskan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong semasa pembentangan mukadimah Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018 bagi KHEDN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan, di sini, telah menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan bagi peruntukan sebanyak BND131,707,750.00.

Menurut Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan adalah tepat dan mendukung sasaran yang berhemah dengan mengambil kira pelbagai senario dan cabaran yang dihadapi masa kini termasuk pertumbuhan ekonomi global yang perlana.

Dalam mukadimah Yang Berhormat turut menekankan tentang cabaran-cabaran utama yang perlu ditangani oleh kementeriannya terutama sekali dalam memastikan kaedah dan prosedur penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai akan sentiasa relevan dengan

keadaan semasa dan mesra pelanggan, sentiasa cekap dan memenuhi matlamat perkhidmatan berkenaan.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, selaras dengan kaedah Programme and Performance Budgeting, kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah merangka strategi dan perancangan bagi membantu negara ini meningkatkan perpaduan masyarakat, memungkin sosioekonomi dan menguatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Menurut Yang Berhormat lagi, berdasarkan peruntukan yang telah dibentangkan, kementeriannya akan berusaha sedaya upaya bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa mencapai standard dan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Persidangan MMN telah

dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Laksana program dan inisiatif berimpak kepada negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Dalam mendukung dan mencapai hasrat Wawasan Negara 2035 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah pun melaksanakan beberapa strategi sepanjang tahun 2016 / 2017

dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif yang memberi impak kepada negara.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong semasa pembentangan mukadimah Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018 bagi KHEDN pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis

Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa pembentangan Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018 bagi KHEDN pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) pada hari keempat pada sebelah pagi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, di peringkat mukim dan kampung, sehingga bulan Januari 2017, sejumlah 76 buah kampung telah mempunyai produk 1K1P masing-masing di mana sejumlah 201 buah produk telah didaftarkan di bawah program 1K1P.

Bagi meningkatkan lagi sosioekonomi negara, tambah Yang Berhormat, kementeriannya telah dan akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi yang berkepentingan bagi mendapatkan sijil halal, pengiktirafan pakej pelancongan dan khidmat kepakaran serta teknologi di dalam pertanian serta perikanan agar ia boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Menurut Yang Berhormat, perkara tersebut bukan saja dapat meningkatkan inovasi dan kreativiti masyarakat melalui penghasilan produk atau perkhidmatan yang unik malah ia dapat memperkuuhkan perpaduan dan semangat gotong-royong masyarakat menerusi aktiviti perekonomian yang diusahakan secara berterusan.

Di samping itu, bagi sama-sama

meningkatkan Ease of Doing Business dan mewujudkan suasana perniagaan yang pro-business di negara ini, KHEDN telah membuat perubahan dan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan.

"Kesinambungan dari usaha-usaha awal dalam memudahkan proses memulakan perniagaan, pada bulan Oktober 2016, Jabatan Buruh telah membuat pembaharuan ke atas pengeluaran Lesen Pekerja Asing atau (LPA)," tambah Yang Berhormat.

Proses baharu ini jelas Yang Berhormat, melibatkan penggabungan permohonan kuota pekerja asing dan sokongan pas kerja di mana tempoh TPOR dipendekkan daripada 41 hari kepada 7 hari. Dengan kaedah ini, permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, teratur dan dalam pada masa yang sama ia memastikan iklim perniagaan akan sentiasa menggalakkan dan memberangsangkan.

Tambah Yang Berhormat lagi, usaha-usaha membarigakan inisiatif tersebut sedang giat dilaksanakan melalui sesi-sesi *industry and stakeholders engagements* dan juga melalui berbagai-bagai saluran media.

Program Bandarku Ceria menjana ekonomi

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar, Noraisah Muhammed
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Program Bandarku Ceria bukan saji memberi peluang orang ramai beriadah, berbasikal untuk tujuan kesihatan tetapi juga menjana ekonomi kerana telah pun menerbitkan ataupun menceetuskan beberapa orang peniaga yang menyewakan basikalnya.

Kalau pada tahun lepas, bulan Oktober baru seorang lagi sekarang sudah ada empat atau lima anak-anak muda kitani yang telah pun menyewakan basikal bukan saja basikal biasa mahupun basikal-basikal tradisional.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari keempat.

Dalam pada itu, ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin



YANG Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Dato Paduka Awang Haji Sabtu mengenai Pengawasan Kejiraninan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan

bahawa kerjasama yang sedia terjalin antara Majlis Perundingan Mukim dan Kampung melalui Jawatankuasa Kejiraninan Kampung di tiap-tiap kampung dengan pihak PDB itu dihasrat untuk sama-sama membantu memelihara keamanan dan keselamatan kampung.

"Cuma barangkali kaola ingin menjelaskan ada beberapa buah kampung yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasa Kejiranannya mungkin kerana kampung itu kecil. Jadi perkara ini akan kita lihat, mungkin ia akan dapat dibuat sebagai kluster kampung-kampung yang kecil," ujar Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



SEBAHAGIAN pegawai-pegawai kanan kerajaan yang hadir pada persidangan tersebut.

Kementerian Pendidikan peneraju sumber tenaga manusia



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kementerian Pendidikan menyokong penuh tema Perbelanjaan Tahun Kewangan 2017 / 2018, iaitu 'Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan (Sustainable)'.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan perkara tersebut semasa memberikan penerangan mengenai tumpuan dan fokus utama Kementerian

Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di hari keempat pada sebelah petang yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan, bagi pihak Kementerian Pendidikan melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak BND666,577,470.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Di bawah perbelanjaan Tahun Kewangan 2017 / 2018 Kementerian Pendidikan ini jelas Yang Berhormat lagi, sejumlah BND498,791,490.00 disediakan untuk Gaji Kakitangan; sementara BBND167,785,980.00 untuk perbelanjaan berulang-ulang; dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak BND19,824,340.00.

Yang Berhormat menambah, Kementerian Pendidikan sebagai agensi peneraju dalam membangun serta membentuk sumber tenaga manusia akan terus mendukung hasrat untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035, khususnya dalam menghasilkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Laporan : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Haflah Pg. Osman

Terangnya, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 ataupun SPN21 dan SPN21 tersebut dirangka dengan hasrat untuk melengkapkan rakyat negara ini dengan ilmu, kemahiran dan sikap serta nilai yang lebih sesuai bagi menghadapi kehendak dan keperluan abad ini.

Menurut Yang Berhormat, SPN21 sekarang telah pun memasuki tahun kelapan pelaksanaannya dan telah melakar perubahan dan pencapaian-pencapaian positif seperti antara lain, terbukanya peluang pelbagai pilihan laluan dan akses pendidikan (*multiple pathways*), pemantapan pendidikan teknikal dan vokasional, penubuhan Brunei Darussalam Teachers' Academy (BDTA) untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru dan tenaga pengajar pelaksanaan Brunei Teachers' Standards (BTS), pelaksanaan Literacy and Numeracy Standard, menambah baik ekosistem dan prasarana sekolah yang mendukung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21 serta penambahbaikan sistem penilaian dan sebagainya.

Bagi merealisasikan SPN21,

Kementerian Pendidikan terangnya, telah dari semasa ke semasa merangka perancangan strategik yang mengandungi beberapa inisiatif dalam lima bidang utama yang memiliki Petunjuk Prestasi Utama dan sasaran masing-masing.

Bidang-bidang tersebut menurut Yang Berhormat, adalah seperti kualiti guru, kualiti sekolah dan institusi-institusi pengajian, Pencapaian dan kejayaan pelajar, penyertaan dalam pendidikan dan kualiti pendidikan pasca-menengah.

Yang Berhormat menambah, selain daripada bidang-bidang utama itu, Kementerian Pendidikan juga turut merangka rancangan penambahbaikan dalam bidang-bidang berikut iaitu Perkembangan profesional di setiap peringkat, Kualiti kepimpinan di setiap peringkat, Kualiti pengajaran dan pembelajaran; serta Penekanan terhadap kesihatan, keselamatan, kawalan keselamatan dan alam sekitar di setiap peringkat.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan melahirkan rasa penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyediakan



peruntukan kepada Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Demi menjunjung titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN yang lalu jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan memastikan segala perancangannya adalah *actionable* dan *realistic*, serta *cost-effective*, agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dengan mengambil Pendekatan Delivery untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Kementerian Pendidikan katanya, akan berusaha dengan gigih dalam memastikan peruntukan tersebut akan digunakan dengan sebaik-baiknya, di samping juga mengambil sikap berhemat dalam berbelanja mengikut keperluan dan keutamaan, seperti yang dihasratkan oleh Kebawah DYMM.

Giat laksanakan pembangunan profesional

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Ke arah melahirkan tenaga kerja perguruan yang mampu untuk menyampaikan pendidikan holistik bagi menghasilkan pelajar-pelajar yang berjaya yang akan memenuhi permintaan pembangunan negara yang dinamik dan mampan, Kementerian Pendidikan giat melaksanakan pembangunan profesional berterusan melalui Akademi Guru Brunei Darussalam.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru ke arah memperkayakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran Abad Ke-21.

Perkara tersebut antara yang dibentangkan dalam Mukadimah mengenai tumpuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di hari keempat pada sebelah petang yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat menjelaskan, sebuah Rangka Kerja Pembangunan Profesional Guru-Guru (Teachers Professional Development Framework) juga dilaksanakan sebagai program perkembangan profesional guru secara lebih sistematis untuk mewujudkan dan menambah keberkesanannya usaha pembangunan 'Professional Learning Communities' dalam kalangan guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekolah.

Program Pembimbing Literasi dan Numerasi katanya, adalah salah satu inisiatif untuk menghasilkan peningkatan sistemik dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran literasi dan numerasi di sekolah-sekolah.

Inisiatif tersebut jelas Yang Berhormat lagi, mendapatkan khidmat pakar-pakar perkembangan profesional dan juga pakar-pakar pengajaran dan pembelajaran literasi dan numerasi sebagai agen perubahan utama.

Yang Berhormat menjelaskan, objektif utamanya adalah bagi menghasilkan pengajaran Bahasa Inggeris dan Matematik yang



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara pada hari keempat sebelah petang (atas dan bawah).

berkualiti dengan menggunakan amalan-amalan pedagogi terbaik secara efektif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran numerasi dan literasi yang tinggi.

Selain itu, terang Yang Berhormat lagi, Kementerian Pendidikan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membentuk Piawaian Sekolah (School Standards) untuk memastikan

persekitaran pembelajaran yang tinggi yang menyokong kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran dengan memastikan pembangunan yang sistemik dan seimbang.

Melalui piawaian sekolah berkenaan jelasnya, pelbagai kaedah akan dapat diusahakan oleh pihak sekolah bagi menambah baik keberkesanannya sekolah dengan menjalankan strategi-strategi yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia di sekolah tersebut.

Atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ujar Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam masih mampu untuk mengerakkan jentera-jentera kerajaan bagi memastikan perancangan pembangunan Negara diteruskan demi menjamin kemajuan dan juga memastikan kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini terus dapat dinikmati.

"Kita seharusnya memanjangkan rasa syukur kerana kemudahan-

kemudahan yang dihulurkan kepada pelajar-pelajar masih terus dapat disediakan, antaranya perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pengangkutan bas, kemudahan rancangan pemakanan sekolah, kemudahan asrama, pemberian biasiswa dalam dan luar negeri, termasuk juga Skim Bantuan Miftah Najah bagi pelajar-pelajar dari keluarga kurang berkemampuan, dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Dengan peruntukan yang ada ini tambanya lagi, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha gigih untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan pendidikan melalui pelbagai inisiatif dan pada masa yang sama mengoptimumkan sumber-sumber yang ada.

Di samping terang Yang Berhormat, langkah penjimatatan itu adalah peluang yang baik untuk Kementerian Pendidikan meneliti semula perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dan perkhidmatan yang tidak produktif atau yang tidak menghasilkan nilai kepada perbelanjaan yang digunakan.



Pendidikan inklusif bantu pelajar Berkeperluan Khas



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan usaha untuk membantu golongan pelajar Berkeperluan Khas dan menjadikan pendidikan inklusif itu satu Sistem Pendidikan yang berjaya walaupun mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, kita masih mempunyai cabaran tertentu seperti kekurangan guru

ataupun kekurangan bilik-bilik khas, misalannya terdapat pelajar-pelajar yang berkerusi roda untuk menempatkan mereka di kelas atas di Tingkat 1 sahaja sudah menyulitkan sebahnya mereka berkerusi roda.

"Jadi harus diaturkan mereka itu dapat kelas di tingkat bawah sahaja. Jika mereka sentiasa di tingkat bawah, kemungkinan terpaksa diubah suai sedikit keadaan penjadualan sekolah dan sebagainya," ujar Menteri Pendidikan semasa mengulas isu yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat Dayang Siti Rozaimeryant binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada sebelah petang hari keempat di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada sidang permesyuaratan tersebut, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryant telah mempersoalkan sama ada sistem pendidikan inklusif mampu memenuhi semua keperluan golongan pelajar yang Berkeperluan Khas terutama sekali yang Berkeperluan Khas tahap tinggi dan adakah peruntukan perbelanjaan cukup disediakan untuk meningkatkan taraf guru dan kemudahan sekolah.

Menjawab isu tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menjelaskan, dalam kes seperti ini, pihak Kementerian Pendidikan mengambil perhatian dan usaha-usaha telah pun diambil bagi memastikan bahawa kanak-kanak tersebut yang menggunakan kerusi roda tidak perlu naik tangga, kerana kemudahan sekolah pada masa ini tidak mempunyai lif.

"Sekolah-sekolah yang lama memang tidak ada kemudahan ramp untuk mereka naik turun menggunakan kerusi roda. Itu satu isu yang ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan,"

jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Berbalik kepada isu mengenai guru-guru, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan, memanglah kita menghadapi masalah guru-guru Special Education Needs Assistance (SENA) yang kurang dari segi bilangan serta kurang dari segi kemahiran, walau bagaimanapun pihak Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas (UPK) telah pun mengadakan berbagai-bagai kursus memberi



YANG Berhormat Dayang Siti Rozaimeryant binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.



guru-guru ini kemahiran yang diperlukan bagi menjaga pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas.

Melalui kursus-kursus ini tambah Yang Berhormat, mereka telah pun dapat melayan pelajar-pelajar sedemikian walaupun tidak sepenuhnya. Tetapi dalam perancangan UPK mereka ini masih diberi kursus seperti ini dan terus dijalankan setiap masa agar lebih banyak lagi guru ataupun guru-guru bukan dalam bidang ini pun diberi latihan yang secukupnya untuk mereka dapat menjaga pelajar-pelajar sedemikian.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun mengadakan jerawara, maklumatkan kepada ibu bapa dan orang ramai apa dia kemudahan-kemudahan atau program-program yang ada yang dilakukan di bawah UPK bagi kanak-kanak sedemikian supaya mereka ini tampil ke hadapan dan ikut belajar dengan pelajar-pelajar lain.

Dari pada sambutan orang ramai ujar Yang Berhormat, banyak yang sudah sekarang mengetahui bahawa ada program-program tertentu yang diadakan di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh UPK bahawa kanak-kanak mereka walau macam manapun tahap keperluan mereka memang dapat ditangani oleh pihak sekolah ataupun guru itu.

Program keusahawanan dukung usaha Kementerian Pendidikan

Laporan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi terutamanya memang sudah mengadakan program-program keusahawanan ataupun kursus-kursus tertentu bagi mendukung usaha pihak Kementerian Pendidikan untuk menjadikan pelajar-pelajar untuk berusaha sendiri dalam bidang-bidang tertentu selain bergantung pada bekerja dengan kerajaan ataupun swasta.

Program-program keusahawanan ini adalah selaras dengan hala tuju negara pada masa ini, iaitu untuk menggalakkan belia-belia di negara ini yang lepasan sekolah untuk mengambil entrepreneurship sebagai satu jurusan mereka.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai sejauh manakah pihak Kementerian Pendidikan dalam mana-mana silibus (mata pelajaran) menggalakkan dan mendidik anak bangsa Brunei Darussalam untuk menjadi usahawan.

Pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang memasuki hari keempat hari ini di Bangunan Dewan Majlis di sini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menjelaskan, program seumpamanya itu memang sudah lama digalakkan dan beberapa buah sekolah juga mempunyai kelab keusahawanan masing-masing dan sekolah-sekolah ini sering mengambil bahagian jika ada mini bazar misalnya jika diadakan jualan-jualan sama ada di sekolah-sekolah mahupun di mana-mana tempat.

"Memang digalakkan mereka ini untuk mengambil bahagian, seperti dalam program Bandarku Ceria setiap hari Ahad. Pada awalnya pihak IBT juga mengambil bahagian dengan mengadakan gerai berjual minuman, makanan dan sebagainya. Hampir semua sekolah di negara ini, mempunyai kelab-kelab yang tersendiri. Mereka menggalakkan hasil kerja daripada pihak sekolah, hasil buatan mereka ataupun dengan usaha mereka sendiri mendapatkan barang-barang tersebut untuk dijual," ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat berkata, keusahawanan ini memang berjalan dengan baik dan akan diluaskan dan dilebarkan lagi supaya lebih pelajar yang terlibat dalam bidang entrepreneurship ini.

Berusaha atasi kelemahan kemahiran 3M



YANG Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kementerian Pendidikan berusaha untuk mengatasi kelemahan kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) di sebilangan pelajar-pelajar Tahun 7 melalui pelbagai cara seperti guru-guru mendidik

kanak-kanak ini di peringkat awal iaitu di peringkat rendah seperti Tahun 4, 5, 6 dan seterusnya hingga ke Tahun 7 diberi penumpuan agar mereka dapat membimbing kanak-kanak ini dengan berjaya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan dari Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong mengenai kelemahan kemahiran 3M di sebilangan pelajar Tahun 7 semasa Persidangan Permesyuaratan Ke-13 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa satu langkah lain ialah dengan mendatangkan international coaches untuk membimbing para guru dalam dua bahagian iaitu English Literacy dan Numeracy.

Pada masa ini, menurut Yang Berhormat, mereka sudah ditempatkan di sekolah-sekolah di negara ini walaupun bilangan mereka cuma 60 orang, tidak mencukupi tetapi tugas-tugas mereka ialah untuk membimbing para guru untuk lebih baik dalam pengajaran literasi dan numerasi.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan dengan usaha yang baharu ini, kita akan dapat melihat perubahan dalam pencapaian kanak-kanak berkenaan.

Kementerian Pendidikan pastikan pengajaran, pembelajaran berkualiti tinggi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kementerian Pendidikan menyedari akan perihal pentingnya dalam merenung kembali dan menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan selama ini.

Melalui proses muhasabah diri (*self-reflection*) ini adalah disedari inisiatif-inisiatif yang diungkapkan tidak kesemuanya mendatangkan hasil ataupun memenuhi sasaran yang diharapkan, dan ada pula nampaknya kurang berdaya tahan kerana tidak dipantau sebaik-baiknya.

Justeru, Kementerian Pendidikan perlu melakukan beberapa perubahan, umpamanya dengan memastikan Sistem dalam dipertingkatkan lagi kepada yang lebih efisien; Kepimpinan berkualiti tinggi di setiap peringkat; Proses perubahan yang lebih teliti dan teratur agar lebih berkesan dan berkualiti; serta yang paling penting adalah Keupayaan Kementerian Pendidikan dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang

dilaksanakan adalah yang benar-benar berkualiti tinggi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan perkara tersebut ketika membacakan mukadimah penerangan mengenai tumpuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di hari keempat pada sebelah petang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan jelas Yang Berhormat, sentiasa mereview SPN21 untuk penambahbaikan dan peningkatan-majuan, selaras dengan perkembangan yang berlaku di peringkat kebangsaan dan juga peringkat global.

Salah satu ikhtiar yang sedang diusahakan katanya, adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah melalui 'Dialogik Teaching and Learning'.

Pengajaran dan Pembelajaran Dialogik ini terangnya, menggunakan kuasa bercakap atau berdialog di antara guru dan murid dan memajukan pembelajaran dan pemahaman mereka.

"Belajar melalui dialog bukan sahaja membawa kepada pengetahuan kandungan tetapi kemahiran berfikir yang lebih baik. Ini adalah sejajar dengan aspirasi SPN 21 yang berhasrat untuk memupuk dan menjana beberapa set kebolehan dan kemahiran seperti *communication skills, thinking skills and problem solving* dan *self management and competitive skills* yang akan menjurus kepada pembangunan *high order thinking skills*," ujarnya.

Kementerian Pendidikan juga tambah Yang Berhormat lagi, akan sentiasa bekerjasama rapat dan mengembangkan tenaga dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain, serta pihak swasta dalam mengusahakan inisiatif yang berkaitan dengan pendidikan dan pembentukan sumber tenaga manusia.

Sebagai contoh katanya, dalam mengetahui keperluan permintaan



graduan institusi pendidikan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga turut memberi sokongan sepenuhnya kepada mana-mana usaha kementerian dan agensi lain ke arah pengukuhan kapasiti sumber tenaga manusia, seperti program perantisan i-Ready.

Pihak Kementerian Pendidikan terangnya menyahut baik program tersebut yang dianggap memberi nilai tambah kepada graduan keluaran Institusi Pengajian Tinggi yang mengukuhkan keupayaan, pengalokasian pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka.

Dari itu, Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti FDI Action and Support Centre (FAST) dan pihak-pihak industri termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).

Melalui pendekatan *demand-driven* tersebut jelasnya lagi, Kementerian Pendidikan akan dapat memastikan jenis-jenis kursus dan tahap kursus yang dijalankan sentiasa relevan, seimbang dan persian kurikulum bertepatan dalam memenuhi keperluan ciri-ciri kebolehpasaran para pelajar dan

Dari itu, Kementerian Pendidikan akan sesungguhnya memastikan program-program pengajian yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi awam dan program i-Ready itu mempunyai sinergi dalam melahirkan rakyat yang berkaliber, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, seperti yang diharapkan.

Kementerian Pendidikan meneliti isu bebanan guru

Laporan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafifah Pg. Osman



YANG Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Isu bebanan guru sekali lagi telah dibangkitkan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memasuki hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyatakan guru-guru berasa terbeban disebabkan kurang masa bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bersama keluarga, dan ini boleh memberi impak kepada psikologi guru.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa mempersoalkan apakah perancangan kerajaan bagi menangani masalah ini dan adakah perancangan untuk menggunakan bajet untuk mengambil pekerja baru yang dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan aktiviti-aktiviti sekolah agar penuntut masih dapat melibatkan diri dengan aktiviti luar kelas.

Dalam menjawab isu tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan bahawa ia adalah dalam penelitian pihak Kementerian Pendidikan.

"Perkara ini sering ditimbulkan dan perkara ini juga dalam penelitian pihak Kementerian Pendidikan. Kita kadang-kadang ingin mengetahui juga sama ada isu ini ada asasnya, sebabnya kalau kita membandingkan *workload* guru-guru di luar negara misalnya di tempat lain sebab *workload* mereka pun ada yang lebih berat daripada *workload* yang kita berikan kepada guru-guru di negara ini," ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Walau macam manapun, tambah Yang Berhormat lagi, proses ini tidak dapat dibuat di kesemua sekolah pada masa ini dan



ANTARA yang hadir semasa persidangan berkenaan.

guru-guru sendiri mengenai perkara ini ataupun beban mereka diringankan telah pun kita usahakan dan di beberapa buah sekolah.

Menurut Menteri Pendidikan, kita telah pun menyediakan guru-guru khas untuk mengambil alih kerja-kerja pentadbiran dan sebagainya supaya tidak melibatkan guru-guru yang ada kelas-kelas untuk diajar.

Namun tambah Yang Berhormat lagi, proses ini tidak dapat dibuat di kesemua sekolah pada masa ini dan

belum semua sekolah yang terdapat pegawai yang dipanggil SOM (Senior Official Management).

Walau bagaimanapun tambahnya, perkara ini akan diusahakan supaya mana-mana sekolah atau guru yang terlalu terbeban dengan jadual waktu mengajar dengan tugas-tugas yang lain, mereka ini akan dapat diringankan dan usaha itu adalah usaha yang berterusan dari Kementerian Pendidikan untuk meneliti bebanan guru-guru.

Pihak Kementerian Pendidikan ujar Yang Berhormat memang mengambil berat perkara ini kerana kita sering mendengar sungut-sungutan daripada guru yang dibebankan dengan jadual-jadual yang besar, tetapi walau macam manapun, setiap guru ini mengajar

tidak lebih daripada 30 period.

"Jadi kalau dilihat dan dibandingkan dengan negara lain ada yang melebihi daripada 30 period. Kalau ada guru yang mempunyai beban seperti pentadbiran dan sebagainya jadual waktu mereka akan dikurangkan kepada 24 period," jelas Yang Berhormat menambah.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat, mana-mana guru yang berasa dirinya masih dibebankan dengan jadual waktu yang berat, perkara itu bolehlah mereka rundingkan dengan guru besar atau pengetua mereka dan guru besar atau pengetua akan membawa perkara itu ke Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Sekolah-Sekolah.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 07/2017 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 11 MAC 2017
TARIKH TUTUP: 01 APRIL 2017

1. PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN KANAN
B.3
BAHAGIAN II
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN: 01

2. SERANG TINGKAT KHAS
C.1-2 EB.3
BAHAGIAN III
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KEKOSONGAN: 01

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 08/2017 (SPA/BIKL) & 09/2017(SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 11 MAC 2017
TARIKH TUTUP: 01 APRIL 2017 & 08 APRIL 2017

1. PENDAFTAR
G.15
BAHAGIAN II
JABATAN PENDAFTAR DAN SETIAUSAHA
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KEKOSONGAN: 01

2. KETUA PEGAWAI IMIGRESEN
C.3-4 EB.5
BAHAGIAN III
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN
KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI
KEKOSONGAN: 02

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 002 / 2017

KETERANGAN :

EXPRESSION OF INTEREST FOR CONSULTANCY SERVICES FOR FEASIBILITY STUDIES OF UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM EDUCITY AT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat tawaran boleh didapati dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di **Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tunku Link, BE1410, Negara Brunei Darussalam** atau melalui lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>.

Tarikh tutup tawaran itu adalah dilanjutkan kepada 21 Mac 2017, tidak lewat jam 2.00 Petang.

Waktu menerima cagaran tawaran

adalah seperti berikut :

Isnin hingga Khamis

8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi

1.45 Petang hingga 3.30 Petang

Sabtu

8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi

1.45 Petang hingga 3.30 Petang


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga: INFO/PK/K/7/2017

Tajuk Sebut Harga:

PERKHIDMATAN BAGI PENGAMBILAN DAN PENGHANTARAN AKHBAR RASMI KERAJAAN PELITA BRUNEI KE DAERAH TUTONG DAN BELAIT UNTUK TEMPOH SATU TAHUN (12 BULAN) KONTRAK

Tarikh Tutup Sebut Harga:
HARI RABU, 5 APRIL 2017,
JAM 2.30 PETANG

Bayaran Yuran/Dokumen Sebut Harga: BND5.00
(Bayaran Yuran/Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan)

Syarat-syarat dan borang-borang sebut harga boleh diperolehi di Tingkat 4, Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bangunan Tambahan (Baru), Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510 Negara Brunei Darussalam pada setiap hari Isnin hingga Khamis pada jam 8.00 Paggi hingga 11.30 Paggi dan 1.45 Petang hingga 3.00 Petang dan hari Sabtu pada jam 8.00 Paggi hingga 10.00 Paggi setelah membuat pembayaran dengan menyertakan resit bayaran yang sudah dibuat.


JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/52/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 15 MUATAN SEBANYAK EMPAT (4) BUAH BAGI ZON 'A', DAERAH TUTONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN : BND50.00 (bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN :

MOE/LTK/53/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 22 MUATAN SEBANYAK DUA (2) BUAH BAGI ZON 'C', DAERAH TUTONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN : BND30.00 (bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/54/2016/2017
(DA[BKP-MAC-2017])

KETERANGAN :
TAWARAN PERKHIDMATAN

BAS SEWA KHAS 22 MUATAN SEBANYAK SATU (1) BUAH BAGI ZON 'B', DAERAH TEMBURONG DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN : BND10.00 (bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
21 Mac 2017
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

Borang-borang tawaran boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

Syarat-syarat tawaran dan keterangan lebih lanjut boleh merujuk ke **Kementerian Pendidikan**.


**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

PEMBERITAHUAN : JL/01/2017

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Request For Proposal (RFP) for The Rental, Operation and Management of Existing Marine Department Workshop Facilities at Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam".
2. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh

pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Paggi hingga 11.00 Paggi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam 8.00 Paggi hingga 10.00 Paggi di **PEJABAT LAUT (BAHAGIAN KEWANGAN) JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, JALAN SERASA, MUARA, BT1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
Dokumen berkeraan bolehlah diambil pada

4 hingga 28 Mac 2017.

3. Yuran dokumen berjumlah **BND100.00** (tidak dikembalikan).

4. Dokumen yang lengkap hendaklah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menyatakan nama penender yang ikut serta kecuali tajuk tender "Request for Proposal (RFP) for The Rental, Operation and Management of Existing Marine Department Workshop Facilities at Serasa, Muara, Negara Brunei Darussalam - JL/01/2017" di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar ke alamat berikut :

**PENGURUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
TINGKAT BAWAH**

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Semua dokumen hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan **tidak lewat pada Selasa, 28 Mac 2017, jam 2.00 Petang**.

**Pertandingan
Pidato
Sejarah
Kali Ke - 3
Piala
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Tahun 2017**

Anjuran:
PUSAT SEJARAH BRUNEI,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Dengan kerjasama:

JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Setiap Kategori A, B & C Menawarkan Hadiah

JOHAN- B\$ 1,000.00

NAIB JOHAN- B\$ 750.00

TEMPAT KETIGA- B\$ 500.00

Untuk keterangan lanjut Borang dan Syarat-syarat penyertaan bolehlah didapati melalui laman sesawang
www.pusat-sejarah.gov.bn
<http://narawahana.blogspot.com>
<http://www.facebook.com/Narawahana>

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN :
Q.JDT/03/2017
TAJUK TAWARAN :
SEBUT HARGA
**MEMBERSIKHKAN KAWASAN
DAN MEMUNGGAH SERTA
MEMBERI PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN DAN
PEMBUANGAN SAMPAH
BAGI GERAI MUKIM
TELISAI, GERAI KAMPUNG
BUKIT PANGGAL DAN GERAI
KAMPUNG KIUDANG,
TUTONG BAGI TEMPOH
KONTRAK DUA (2) TAHUN**

**KAWALAN JABATAN DAERAH
TUTONG BAGI TEMPOH
KONTRAK DUA (2) TAHUN**

BILANGAN TAWARAN :
Q.JDT/05/2017
TAJUK TAWARAN :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN
**HARIAN JABATAN DAERAH
TUTONG BAGI TEMPOH
KONTRAK DUA (2) TAHUN**

SETIAP YURAN TAWARAN :
BND10.00

Tarikh tutup tawaran :
20 Mac 2017, jam 2.00 Petang

Syarat-syarat tawaran dan dokument terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong, TA1141, Brunei Darussalam semasa waktu bekerja.

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN SEBUT HARGA
1. BILANGAN SEBUT HARGA : JKN / BPE / SH / 2017 (2)
**KERJA-KERJA PEMASANGAN SEWA PENTAS
(PLATFORM) KEM DAN KERUSI**
SEMPENA UPACARA TAHUN UNDANG-UNDANG 2017
**BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI MAHKAMAH BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN**

**TARIKH TERAKHIR MENDAPATKAN DOKUMEN
SEBUT HARGA : 20 MAC 2017**

**TARIKH SESI PENERANGAN
(INFORMATION DAY) : 21 MAC 2017**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
ISNIN, 27 MAC 2017**

SEBUT HARGA yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 Petang, Isnin, 27 Mac 2017.

Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan membawa resit bayaran yuran sebutharga berkenaan.

Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah berhubung terus Haji Omar bin Haji Mohd. Daud melalui talian +673 2240331 atau +673 8144285 dan Awang Kamis bin Haji Tamit melalui talian +673 2221600 atau +673 8822325 Bahagian Pengurusan Estate, Jabatan Kehakiman Negara.

**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DIDALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO.BCY/CP/417/2017
BIBD AT-TAMWIL BERHAD
... Pemutang /Pemetisyen
Vs
HAJI MOHAMMAD GANI BIN ROSETA
(Kad Pengenalan Brunei
No. 00-059059 - Kuning)
... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN
Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang pada **21 Januari 2017**.
Nama dan alamat Bankrap :
HAJI MOHAMMAD GANI BIN ROSETA
No. FA3, Block FA
Flat Perumahan Jabatan Daerah Tutong

**Sungai Basong,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan: 7 November 2016**

KES NO.BCY/CP/281/2006
BAIDURI FINANCE BERHAD
... Pemutang /Pemetisyen
Vs
LATIP BIN HAJI AHMAT
(Kad Pengenalan Brunei
No. 00-054657 - Kuning)
... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN
Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang pada **26 Januari 2017**.
Nama dan alamat Bankrap :
LATIP BIN HAJI AHMAT
No.1 Simpang 120-48-70-11

**STKRJ Kampong Mumong
Kuala Belait KA1531
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan: 16 Januari 2017.**

KES NO.BCY/CP/502/2012
**BANK ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
... Pemutang /Pemetisyen
Vs
NORADIWATI BINTI HAJI JUNAIDI
(Kad Pengenalan Brunei
No. 00-282546 - Kuning)
... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN
Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang pada **2 Februari 2017**.
Nama dan alamat Bankrap :
NORADIWATI BINTI HAJI JUNAIDI

No.9, Jalan 31
Kg. Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas BC2915
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Permohonan: 19 Januari 2017.

b. Semua Siputang kepada Bankrap yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukit Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh: 31 Januari 2017

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Penyelarasan dan perubahan kadar cukai import, eksais berkuat kuasa 1 April 2017

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai import dan eksais yang akan berkuat kuasa mulai 1 April 2017.

Setiausaha Tetap (Prestasi) Kementerian Kewangan, Awang Ahmad bin Haji Abdul Rahman berkata, antara tujuan pindaan kepada kadar cukai import dan cukai eksais itu adalah bagi mengemaskinikan struktur cukai barang di negara ini yang akan

dapat mendukung beberapa objektif utama iaitu termasuk bagi meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan negara.

Selain itu, ia juga bagi memenuhi komitmen-komitmen tertentu di bawah Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) dengan beberapa negara sama ada secara dua atau berbagai-bagai hala.

Pengemaskinian kadar cukai import dan eksais ini juga tambahnya, turut menyasarkan kepada beberapa produk tertentu yang mempunyai beberapa matlamat.

Antaranya ialah untuk meringankan

kos sara hidup terutama bagi golongan-golongan sasaran, menyasarkan penurunan harga bagi barang tertentu bagi menggalakkan penggunaannya serta mengawal penggunaan barang tertentu dengan matlamat untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sehubungan itu, satu taklimat khusus kepada pengimpor, pengedar dan penjual mengenai dengan perubahan kadar cukai duti import dan duti eksais diadakan bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, Berakas, di sini.

Sementara itu, Pengarah Pengangkutan Darat, Dr. Awang

Haji Supry bin Haji Awang Ladi pula memberikan taklimat serta sesi dialog kepada pengimpor-pengimpor tayar dan pembekal tayar di negara ini.

Taklimat diharap memberi kesedaran kepada pengimpor dan pembekal mengenai isu-isu berkaitan yang digunakan, pembenangan semula dan bukan tayar berkualiti serta meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya di negara ini.

Sebarang maklumat lanjut mengenai perubahan kadar-kadar cukai boleh melayari menerusi laman sesawang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, www.bdnsw.gov.bn atau www.tradingacrossborders.gov.bn atau menghubungi terus melalui talian 2382361.



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi) Kementerian Kewangan, Awang Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan taklimat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, Berakas.

Empat qari dan empat qariah meneruskan bacaan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi diteruskan lagi dengan mempertandingkan seramai empat qari dan empat qariah bagi malam kedua di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M, juga pembesar-pembesar negara, para jemputan dan orang ramai.

IA dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kuncang.

Kemudiannya diteruskan dengan bacaan empat peserta, iaitu dua qari dan dua qariah.

Majlis juga mendengarkan

persempahan bacaan Al-Quran oleh qari jemputan dari Republik Indonesia, Haji Muhammad Ali bin Haji Mammun.

Diteruskan lagi dengan memperdengarkan empat lagi peserta terdiri dari dua qari dan dua qariah memperdengarkan bacaan mereka pada majlis tersebut.

Peserta yang membaca ialah Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit; Awang Mohammad Zul Hafiz bin Awang Tengah; Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran; Awang Muhammad Hasrin bin Haji Kamis; Dayang Hajah Maidah binti Haji Abd Rahman; Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya.

Tema musabaqah tahun ini ialah 'Al-Quran Temanku Menceriakan Hidupku'.

Sementara itu, pengumuman keputusan menentukan johan qari dan qariah akan diadakan pada hari Khamis, malam Jumaat, 9 Mac 2017 di tempat yang sama bermula jam 7.30 malam.



PESERTA qari, Awang Mohammad Zul Hafiz bin Awang Tengah dan qariah, Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit semasa memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada malam kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Peringkat awal Musabaqah Membaca Al-Quran tersebut telah diadakan di masjid, surau dan balai ibadat bagi memilih qari dan qariah untuk memasuki pertandingan di peringkat zon dan daerah dan peserta-peserta yang memperoleh markah 75 peratus ke atas dalam peringkat zon dan daerah itu adalah layak untuk mengikuti pertandingan di peringkat suku akhir.

Seramai 91 orang yang terdiri daripada 68 qari dan 23 qariah telah bertanding di peringkat suku akhir kebangsaan yang telah diadakan selama empat hari berturut-turut bertempat di Masjid Kampung Sungai Akar.

Hasil dari pertandingan itu, seramai 57 peserta (36 qari dan 21 qariah) telah bertanding di peringkat separuh akhir kebangsaan yang telah diadakan

di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Dari pertandingan peringkat separuh akhir tersebut, seramai 12 qari dan qariah termasuk Johan Menunggu bertanding di peringkat akhir yang diadakan selama tiga malam berturut-turut bermula semalam di Dewan Plenari, pusat berkendara.



Pelatih PKBN mampu hadapi cabaran

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Jumaat, 10 Mac. - Golongan remaja perlu diterapkan dengan disiplin yang mantap sebagai benteng daripada melakukan perkara-perkara yang negatif terutama yang dilarang agama mahupun pengaruh-pengaruh lain yang tidak sihat.

Salah satu komponen terpenting di dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) ialah untuk membentuk disiplin dalam kalangan pelatih-pelatihnya yang terdiri daripada golongan remaja.

Bagi para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-6 yang akan menamatkan latihan mereka dalam beberapa hari sahaja lagi, kehidupan harian yang berteraskan disiplin tinggi sudah sebatas dalam diri mereka setelah menjalani program ini di Kem Latihan PKBN Batu Apoi selama hampir tiga bulan.

Pelatih 11392, Dayang Nur Haszwany binti Mahadi dari Daerah Brunei Muara menjelaskan bahawa beliau memasuki PKBN kerana hendak mencabar kemampuan dirinya

sendiri terutama dari segi ketahanan mental dan fizikal.

Lulusan 'A' Level dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) ini turut mengongsikan pengalamannya selain mengikuti latihan-latihan fizikal yang mencabar.

Antara rutin sehariannya setelah bangun pagi sebelum mengerjakan Solat Fardu Subuh ialah memastikan katal dan bilik dalam keadaan yang sangat kemas dan teratur termasuk memastikan setiap pakaian di dalam almari dilipat mengikut ukuran lipatan yang telah ditetapkan kerana setiap hari bilik-bilik akan diperiksa oleh jurulatih-jurulatih wanita yang bertugas.

Selain itu, para pelatih juga harus membersihkan pakaian, kasut serta menyediakan keperluan diri setiap hari sebelum turun bersarapan beramai-ramai. Jika terdapat kekurangan dalam kebersihan bilik mahupun kekemasan pakaian, tindakan disiplin akan dikenakan oleh jurulatih-jurulatih yang sudah dianggap seperti 'indung' sepanjang mereka berada di dalam

PKBN. Tambahan rutin harian memerlukan mereka sentiasa memberikan fokus kepada sekecil-kecil perkara menjadikan mereka tidak 'camah mata' dan sentiasa saling ingat-ingat dan mengambil berat antara satu sama lain, selain menyedari apa-apa pun cabaran latihan mampu ditangani dengan berfikiran lebih terbuka serta ke depan atau *think out of the box*.

Dayang Nur Haszwany juga menambah, kemasukannya ke dalam PKBN telah mengubah dirinya menjadi individu yang lebih berdisiplin dari segi pengurusan masa, cergas dari segi fizikal dan mental, berkeyakinan tinggi, mengamalkan semangat bekerjasama dan persefahaman dalam berpasukan serta menghormati antara satu sama lain.

PKBN pada pendapatnya adalah khusus untuk individu yang mahukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik dan selepas tamat latihan di PKBN, beliau yakin serta berazam akan mampu menghadapi apa jua cabaran dalam kehidupan sehariannya sebagai seorang belia Brunei yang mampu menyumbang kepada kecemerlangan dan kemajuan negara.



LATIHAN fizikal mampu memantapkan disiplin pelatih-pelatih perempuan.

Sementara itu bagi Pelatih 11438, Dayang Fiffy Ezlyn Norfaz'izza tol @ Bibi Ezlyn binti Muhd. Suradzin dari Daerah Brunei dan Muara, berada di PKBN selama hampir tiga bulan banyak mengajarkannya disiplin dalam erti kata sebenar.

Menurutnya, setiap hari beliau akan bangun seawal jam 3.30 pagi untuk membersihkan bilik dan menyediakan keperluannya sehariannya kerana semua pelatih dikehendaki berbaris jam 4.45 pagi untuk menunaikan Solat Fardu Subuh dan seterusnya upacara menaikkan bendera, menyanyikan lagu kebangsaan dan ikrar PKBN tepat

jam 6.00 pagi dan seterusnya bersarapan beramai jam 7.00 pagi.

Beliau berpendapat disiplin ketat yang diterapkan di dalam PKBN menjadikan dirinya lebih menghargai masa, lebih taat beragama, komited dan berfikiran terbuka dalam sama-sama menghadapi susah payah dalam latihan terutama dalam kerja berpasukan dalam satu kumpulan.

PKBN Pengambilan Ke-6 memulakan latihan mereka di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi pada 4 Disember 2016 yang lalu dan akan menamatkan latihan pada 13 Mac 2017.

Perkhidmatan Awam berfungsi sebagai pemangkin dan inovator

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (depan, lima dari kanan) semasa menghadiri Mesyuarat Ke-17 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) di Iloilo City, Republik Filipina.

ILOILO CITY, FILIPINA, Rabu, 8 Mac. - Perkhidmatan Awam di negara ASEAN memainkan peranan penting untuk memajukan ASEAN yang berorientasikan rakyat yang di dalamnya kesemua sektor masyarakat yang digalakkan untuk turut serta berperanan dan memperoleh manfaat daripada proses integrasi dan pembangunan Komuniti ASEAN.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menghadiri Mesyuarat Ke-17 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) di Iloilo City, Republik Filipina.

Berucap semasa Sesi Plenari, Yang Berhormat seterusnya menyuarakan bahawa Perkhidmatan Awam

berfungsi sebagai pemangkin dan inovator yang instrumental untuk membawa negara maju dalam ekonomi, pemberian modal insan, menangani kedudukan ketidakseimbangan sosioekonomi, memperbaiki dan mengekalkan kualiti hidup dan memperkuatkannya institusi dan kapasiti pelaksana.

Dalam perkara itu, Yang Berhormat menggalu-alukan pengesahan

Menteri-Menteri ASCC bagi 'ASEAN Leaders' Declaration on the Role of Civil Service as Catalyst for Achieving ASEAN Community Vision 2025' yang akan dihadapkan untuk ditandatangani Pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 yang akan diadakan di Manila pada bulan April ini.

Deklarasi tersebut merupakan komitmen Perkhidmatan Awam negara ASEAN untuk berterusan mendukung proses mendukung integrasi Komuniti ASEAN. Kapasiti Perkhidmatan Awam dijangka meningkat melalui program-program dan pengongsan amalan terbaik di antara negara ASEAN.

Menyentuh mengenai usaha-usaha ASCC, Yang Berhormat menekankan, pentingnya mesej-mesej utama disampaikan dalam usaha-usaha ASCC menjalankan perannanya.

Antara lain bagi rakyat sedar dan memahami peranan dan fungsi yang telah dilaksanakan oleh ASEAN sejak 50 tahun yang lalu, yang mana hanya tercapai dengan adanya sokongan padu dan penglibatan segenap lapisan masyarakat. Yang Berhormat juga menyatakan perlunya pendekatan bersepada bagi memastikan semua orang dapat merasakan faedah dan keberuntungan dengan tertubuhnya Komuniti ASEAN.

Mesyuarat Ke-17 ASCC tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Department of Social Welfare and Development Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dr. Judy Marigomen Taguiwalo. Mesyuarat telah dihadiri oleh Menteri-Menteri ASCC dan

perwakilan dari negara ASEAN.

Mesyuarat Ke-17 ASCC dihos oleh Republik Filipina selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2017 yang bertema 'Partnering for Change, Engaging the World'. Selaku Pengerusi, Republik Filipina telah mengenal pasti enam bidang utama tema (thematic priorities), iaitu : merealisasikan *a people oriented, people centred and people driven ASEAN*; meningkatkan keamanan dan kestabilan di rantau ini antara lain melalui dialog dan mempertahankan undang-undang; memperkuatkan kerjasama maritim, kestabilan dan kesejahteraan serantau; mempertingkatkan pembangunan inklusif dengan sokongan berterusan kepada Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan meningkatkan rasa kepunyaan terhadap Komuniti Ekonomi ASEAN dalam kalangan pihak yang berkepentingan; mengukuhkan daya tahan dan meneruskan pembangunan ASEAN yang berkekalan dan menjadikan ASEAN sebagai satu organisasi serantau yang berketerampilan dan mempunyai peranan penting di persada dunia.

Mengiringi Yang Berhormat di mesyuarat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad serta pegawai-pegawai kanan di KKBS, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Ke-18 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN akan diadakan pada 13 hingga 14 September ini di Tagaytay City, Republik Filipina.

Cegah dan kesan lebih awal penyakit buah pinggang

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Jumlah penghidap penyakit buah pinggang kronik (Chronic Kidney Disease - CKD) di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat di mana kini 1 daripada setiap 550 orang di negara ini berhadapan dengan penyakit ini.

Walau bagaimanapun, ramai orang-orang yang menghidap penyakit ini masih mampu untuk hidup dan menikmati masa bersama keluarga kerana aksesibiliti kepada penjagaan buah pinggang, pendidikan dan ubat-ubatan yang diberikan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menyatakan demikian dalam perutusannya sempena memperingati Hari Buah Pinggang Sedunia 2017.

Yang Berhormat berkata, pada setiap 9 Mac, Negara Brunei Darussalam memperingati Hari Buah Pinggang Sedunia bersama dengan negara-negara lain dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit, memberi sokongan moral kepada mereka yang menghidap, selain untuk memberi jaminan kepada pesakit dan keluarga yang terjejas akibat penyakit buah pinggang, bawahu mereka tidak kesorangan dalam menanganinya.

CKD jelas Yang Berhormat adalah penyakit tidak berjangkit yang melibatkan 1 dalam 10 orang di seluruh dunia dan kedudukan angka terus meningkat di mana saja negara.

"Oleh itu, Hari Buah Pinggang Sedunia penting dalam mendidik orang ramai dan masyarakat perubatan mengenai kepentingan pencegahan dan pengesahan awal penyakit

buah pinggang," ujar Yang Berhormat.

Tema Hari Buah Pinggang Sedunia 2017 tahun ini, 'Penyakit Buah Pinggang dan Obesiti. Langkah untuk Buah Pinggang' ujar Yang Berhormat memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran mengenai obesiti kepada penyakit buah pinggang dan bagaimana gaya hidup yang sihat boleh membantu mengelakkan risiko ini.

"Kita perlu mengambil berat bagaimana obesiti sering dikaitkan dengan CKD kerana faktor risiko penyakit seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan penyakit jantung," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat, obesiti adalah satu wabak di seluruh dunia dan merupakan faktor risiko yang kelima tertinggi bagi kematian global. Ia boleh menyumbang kepada pembangunan CKD secara tidak langsung melalui kencing manis teruk dan tekanan darah tinggi yang merupakan faktor risiko penyakit buah pinggang dan secara langsung menyebabkan kerosakan buah pinggang disebabkan oleh kerja keras buah pinggang sepanjang tahun.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, obesiti sangat membimbangkan kerana Laporan Pemakanan Global 2016 meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang paling tinggi kedudukan bagi obesiti dewasa di rantaun ASEAN, dengan 61 peratus daripada rakyat Brunei dikategorikan sebagai sama ada berat badan berlebihan atau obes.

Yang Berhormat turut memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 5 Julai 2016, yang mengingatkan seluruh rakyat agar tidak mengambil ringan mengenai ancaman obesiti.

Baginda mengakui bahwa 30 peratus daripada rakyat Brunei mempunyai tekanan darah tinggi, 12.4 peratus mempunyai kencing manis dan 70 peratus dengan kolesterol tinggi.

Baginda turut menitahkan bahawa disiplin diri adalah penting untuk mencegah pertambahan berat badan dan menekankan kepentingan menjalani gaya hidup yang aktif dengan tabiat makan yang sihat.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa CKD adalah masalah kesihatan awam yang semakin meningkat di negara ini kerana ia dijangkakan akan meningkat 30% dalam populasi kegagalan buah pinggang dalam masa 5 tahun.

Ini bermakna bahawa 1 dalam 450 orang di negara ini ujarnya akan mempunyai kegagalan buah pinggang menjelang 2021 berdasarkan tren sepanjang dekad yang lalu dan ini setentunya bukan masa depan yang kita mahu untuk negara kita.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, kita boleh mengelakkannya kerana CKD boleh dicegah dan mengubah gaya hidup awda kepada yang lebih sihat merupakan salah satu kunci kepada pencegahan ini.

Kementerian Kesihatan ujar Yang Berhormat, menggalakkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah berikut untuk memulakan langkah pencegahan iaitu untuk tetap cergas dan aktif; sentiasa memastikan kawalan tahap gula dalam darah awda; memantau tekanan darah awda; mengambil makanan sihat dan menjaga berat badan; mengekalkan

pengambilan cecair yang sihat; jangan merokok; jangan mengambil ubat-ubatan yang tidak perlu di kaunter ubat dan mendapatkan rawatan fungsi buah pinggang jika awda mempunyai faktor-faktor yang 'berisiko tinggi' seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, obesiti atau mempunyai sejarah keluarga penyakit buah pinggang.

"Ini adalah pilihan yang kita boleh buat, dan ini adalah pilihan yang akan membantu awda membina kehidupan yang lebih sihat. Ini juga adalah sebab mengapa, dalam memerangi penyakit buah pinggang, Kementerian Kesihatan terus memberi tumpuan kepada pencegahan dan pengesahan awal penyakit," jelas Yang Berhormat.

Bagi pihak kami di Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat, kami akan bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak berkepentingan dan ahli-ahli kumpulan sokongan untuk terus melibatkan diri dengan pesakit dan orang awam bagi mencegah, mengawal dan merawat berlakunya penyakit buah pinggang di Brunei Darussalam.

Ini jelas Yang Berhormat adalah selaras dengan tiga keutamaan strategik Kementerian Kesihatan, iaitu untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit dan untuk memupuk bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua orang.

Dengan itu tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mengesahkan semula komitmennya untuk meningkatkan kesedaran untuk mencuba dan mengurangkan beban penyakit buah pinggang dan obesiti.

Tidak dinafikan bahawa cara yang paling berkesan untuk menangani penyakit buah pinggang dan obesiti adalah untuk menjalani gaya hidup yang sihat, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, pencegahan adalah kunci dan pentingnya memainkan peranan untuk memberikan pengetahuan kepada orang ramai dalam usaha memenangi perjuangan ini. Kesihatan adalah tanggungjawab semua orang. Mari kita bergerak untuk buah pinggang kita. #Move4kidneys.

Lantikan pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 11 Jamadilakhir 1438 bersamaan 10 Mac 2017.

Simposium Peperangan Hutan Serantau tingkatkan kerjasama



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (depan, empat dari kanan) semasa bergambar ramai pada Simposium Peperangan Hutan Serantau (Regional Jungle Warfare Symposium - RJWS).

Oleh : Noraisah Muhammed
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

SERIA, Rabu, 8 Mac. - Majlis Pembukaan Simposium Peperangan Hutan Serantau (Regional Jungle Warfare Symposium - RJWS) telah dirasmikan oleh Pemerintah Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah yang berlangsung di

18 Pegawai ABDB dinaikkan pangkat



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menyampaikan pangkat kepada Komandan Akademi Pertahanan ABDB, 308 Leftenan Kolonel Saiful Akhmar bin Mohammad Shariff yang dinaikkan ke pangkat Kolonel.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat 10 Mac. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seramai 18 Pegawai ABDB telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat.

Majlis Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai berkennaan berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Dua pegawai kanan telah dinaikkan ke pangkat Kolonel iaitu

Pengarah Pusat Optima Kecergasan Tentera, 304 Leftenan Kolonel Zahirin bin Haji Zunaidi dan Komandan Akademi Pertahanan ABDB, 308 Leftenan Kolonel Saiful Akhmar bin Mohammad Shariff.

Manakala 16 pegawai telah dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel / Komander Tetap.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-Pengarah, Komandan-Komandan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan dan ABDB serta ahli-ahli keluarga pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat.

Majlis Kenaikan Pangkat ABDB, merupakan usaha berterusan untuk mengiktiraf, memberi ganjaran dan memupuk pegawai-pegawai yang berprestasi terbaik serta menampilkan potensi dalam memberikan sumbangan kepada ABDB.

Medicina Lines, Seria.

Simposium yang dianjurkan bersama oleh ABDB dan British Forces Brunei (BFB) itu bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kecemerlangan bagi peperangan hutan.

Sebanyak 11 negara menyertai simposium tersebut, iaitu Australia, Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, New Zealand, Filipina, Singapura, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Viet Nam.

Pada majlis tersebut, Pemerintah ABDB telah menggariskan hasil sasaran yang diharapkan dari simposium tersebut dalam meningkatkan perkongsian, perkembangan dan pemindahan

maklumat dan pengetahuan di antara negara-negara yang mengambil bahagian.

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menekankan kepentingan simposium itu ke arah pembinaan dan perkembangan kapasiti dalam mentakrifkan, memahami dan mengendalikan operasi ketenteraan dalam persekitaran hutan dan juga sebagai pendukung atau pemangkin kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan masa hadapan mengenai bagaimana mengoptimumkan teknologi untuk menyokong dan meningkatkan operasi hutan.

Semasa Pelita Brunei menemu bual perwakilan dari negara Viet Nam, Leftenan Kolonel Nguyen Van Son yang fasih berbahasa Melayu berkata,



SUASANA semasa sesi latihan dijalankan.

DARE bukakan penyertaan pusingan kedua Program Startup Bootcamp

Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Mac. - Darussalam Enterprise (DARE) ingin menggalu-alukan penyertaan pihak-pihak yang berminat untuk bekerjasama dengan pihak DARE dalam mengendalikan pusingan kedua Program Startup Bootcamp.

Program Startup Bootcamp merupakan sebuah program latihan bagi para usahawan yang akan dijalankan bagi tempoh selama 100 hari.

Dalam program tersebut para usahawan yang terlibat akan diberikan latihan serta bimbingan dalam pelbagai segi termasuk penciptaan dan pelaksanaan idea (*idea creation and implementation*), kemajuan produk, penyediaan pelan perniagaan, pengenalan perniagaan (*business pitching*), cara-cara mendapatkan pembiayaan dan teknik pemasaran serta penjualan produk.

Sehubungan itu, DARE suka-cita menjemput para facilitator tempatan

beliau mendukung usaha seumpama itu adalah sangat baik antaranya dapat mengeratkan lagi silaturahim di antara negara-negara yang menyertainya, di samping memupuk rasa damai dan kesefahaman serta keamanan serantau.

Manakala perwakilan dari Republik Indonesia, Leftenan Rudi semasa ditemui pula berkata, usaha mengungkayahkan simposium itu sangat bagus dalam meningkatkan persamaan dalam teknik tentang Jungle War dan dapat mendekatkan lagi hubungan silaturahim dari semua negara terlibat.

"Saya hadir di sini menjadi pemerhati namun tujuan usaha kerjasama ini sangat menggalakkan dan andai sesuai dengan laporan saya, kerjasama seumpama ini juga akan diusahakan untuk diadakan di Indonesia."

Simposium tersebut dikendalikan selama tiga hari bermula kelmarin hingga 9 Mac, yang antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama sekolah-sekolah peperangan hutan dan pakar-pakar di antara negara-negara yang terlibat termasuk dalam perkongsian maklumat dan amalan-amalan terbaik.

Di samping itu, RJWS juga dihasratkan untuk mengenal pasti peluang-peluang ke arah meningkatkan kerjasama seperti pertukaran jurulatih dan menghasilkan sebuah program pemerhati pada masa hadapan.

Majlis penutup bagi simposium berkenaan akan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 9 Mac.

dan serantau yang berminat untuk menghadiri sesi taklimat yang berkenaan pada hari Rabu, 15 Mac ini nanti pada jam 10.30 pagi di Tingkat 1, Auditorium, iCentre, Anggerik Desa.

Pihak yang berminat dikehendaki mengumukan cadangan menerusi alamat e-mel startup.bootcamp@dare.gov.bn sebelum hari Selasa, 21 Mac 2017.

Bagi sebarang maklumat lanjut, pihak yang berminat bolehlah menghubungi pihak DARE melalui talian +6732384830 (ext. 250) atau menerusi alamat e-mel tersebut di atas.

Semangat patriotik berasaskan Melayu Islam Beraja



PENGIBARAN bendera negara adalah lambang wujudnya semangat patriotik pada agama, raja dan negara serta tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

PENGLIBATAN Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan kekanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin secara langsung dalam Kesatuan Melayu Brunei (KMB) dan Barisan Pemuda (BARIP) dalam usaha menuntut kemerdekaan Negara Melayu Islam Beraja adalah menggambarkan betapa penting setiap rakyat dan penduduk negara ini memiliki semangat kebangsaan atau patriotik yang kental terhadap negaranya. Bagi kita di Negara Brunei Darussalam (NBD) semangat patriotik perlu bersandarkan kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi asas perjuangan pemuda-pemuda tempatan Brunei dalam mempertahankan maruah bangsa dan negara pada zaman silam.

Kenapakah semangat patriotik itu perlu dimiliki dan dihayati oleh setiap rakyat dan penduduk NBD. Dalam era globalisasi ini pada kenyataannya, semangat patriotik yang bersandarkan kepada nilai-nilai MIB adalah benteng pertahanan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. MIB adalah asas utama bagi kelangsungan kewujudan ketamadunan bangsa dan negara kita iaitu bergantung kepada pengalaman dan penghayatan kita terhadap nilai-nilai kebruneian yang menjadi sumber kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran kehidupan rakyat dan negara.

Adapun semangat patriotik itu adalah perasaan atau semangat mencintai bangsa, agama dan negara bagi setiap individu atau anggota masyarakat dalam negara ini seperti mana yang pernah dimiliki oleh golongan nasionalis negara khususnya sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua dalam memperjuangkan dan mempertahankan maruah agama, bangsa dan Negara Brunei. Bagi kita di NBD nilai-nilai ini juga adalah sumber penyatu dan integrasi nasional bagi semua rakyat dan penduduk negara ini tanpa mengira asal keturunan, perbezaan agama dan

budaya. MIB adalah tunjang kepada identiti dan jati diri orang-orang Brunei.

Pengalaman dan penghayatan nilai-nilai MIB memang sudah wujud beratus tahun yang lalu dan telah sebati dalam kehidupan orang-orang Brunei yang dianggap sebagai Jiwa Raga atau Mutiara Bangsa yang patut dipelihara. Ianya menjadi warisan turun-temurun dan kita amalkan sama ada kita sedari atau tidak. Ianya telah berakar umbi dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Brunei yang merupakan warisan bangsa sebagai lambang atau identiti bangsa Brunei. Semangat berintikan nilai-nilai MIB inilah yang menjadi sumber kepada dasar dalam pelaksanaan pembangunan dan perkembangan NBD menuju ke Wawasan 2035. Oleh itu, setiap anggota masyarakat Brunei perlu memiliki nilai-nilai ini sebagai rasa kecintaan kepada bangsa, agama dan negara (raja) yang pernah dipertahankan oleh generasi tua. Ini bukan sahaja sebagai menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana MIB adalah pendinding atau *firewall* untuk menghadapi segala pengaruh dan cabaran daripada luar yang cuba menghancurkan semangat patriotik bangsa Brunei. Oleh itu, generasi masa kini perlu memantapkan jati diri dalam menghadapi pelbagai maklumat dari internet dan pelbagai jenis media sosial dalam penyebaran informasi yang meluas yang tidak lagi bersempadan. Maklumat-maklumat yang disalurkan itu memang mudah mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat kita terutama yang bertentangan dengan akidah Agama Islam. MIB itu adalah sebagai sukat-sukat kita bagi memastikan maklumat yang diambil itu memberi manfaat dan tidak terpesong dari nilai-nilai murni bangsa Brunei. Sebaliknya, jika kita cuai atau disalahgunakan, maka kesan buruknya, bukan sahaja kepada individu, malahan juga kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Sebagaimana titah Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertemuan dengan Penuntut-penuntut dan Warga NBD di London, pada tahun 2014:

Pertahankanlah jati diri, integriti dan semangat kebruneian, dan bawalah ke mana saja budaya MIB, cara hidup dan cara berfikir MIB, bukan yang lain-lain.

Ingatlah, kebanggaan satu-satu bangsa itu bukan diukur dari usahanya menjadi bangsa baru, tetapi kebanggaan sejati terhasil apabila ia berjaya mempertahankan warisan dan jati dirinya.

Berdasarkan kepada falsafah Negara Melayu Islam Beraja, satu daripada komponen penting asas kepada semangat patriotik ialah mencintai dan mentaati raja dalam amalan sistem beraja. Ini adalah merupakan warisan tradisi yang telah berakar umbi yang menjadi sumber perpaduan, penyatuan dan kestabilan sosio-politik dan ekonomi dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Pada kenyataannya, kehancuran dan kebinasaan yang dialami oleh kebanyakan negara luar pada masa ini adalah menggambarkan ketidak sesuaian dan relevannya sistem politik serta campur tangan pihak luar yang menyebabkan ketidak kepuasan hati rakyat kepada pihak pemerintah. Keadaan ini juga adalah akibat daripada kepimpinan yang tidak adil yang tidak mengambil berat tentang kebijakan rakyat yang menyebabkan wujudnya perbalahan dan perselisihan fahaman dalam kalangan rakyat dan pemimpin.

Perkara ini berlaku kerana ketuhuran semangat patriotik atau jati diri yang tulen terhadap agama, negara dan raja. Alhamdulillah, bagi NBD dalam pemerintahan yang berlandaskan cara hidup MIB, raja adalah pemimpin atau ketua negara yang wajib ditaati perintahnya. Ini berdasarkan kepada Adat Istiadat Di-Raja Brunei, rakyat tidak boleh derhaka dan raja tidak boleh zalim. Di samping itu, ikatan raja dan rakyat juga bersandarkan kepada Perlombagaan Negeri Brunei 1959 pindaa 2004 dan 2008 yang telah menetapkan kuasa tertinggi yang memerintah negara ini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Misalnya dalam Dokumen-dokumen Perlombagaan – Pindaan 2008 – Bahagian 111 Perkara 4 ceraian (1). Tercatat bahawa kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak dalam tangan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan lain perkataan, arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan dari Kerajaan Baginda Sultan secara tidak langsung adalah merupakan titah baginda yang patut ditanai dan dijalankan oleh rakyat dan penduduk negara yang bernaung di bawah panji-panji pemerintahan Baginda sebagai tanda rakyat yang taat setia kepada pemimpin yang telah menganjur atau menyuruh berbuat sedemikian demi kebaikan. Salah satu gambaran akan wujudnya semangat jati diri dan kecintaan pada raja, agama dan negara ialah amalan mengibarkan bendera negara yang selalu dilakukan sempena sambutan Hari Keputeraan dan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pada umumnya sikap mengibarkan bendera negara dan bendera peribadi masing-masing bagi pemberapse besar negara dan orang-orang yang diberi gelaran adalah lambang semangat patriotik atau jati diri bagi mendokong kepimpinan seorang raja dan secara tidak langsung ianya sebagai tanda kecintaan pada raja, agama dan negara yang tidak berbelah sebagaimana yang telah dianjurkan oleh ugama Islam seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Nisa Ayat 59.

Mengibarkan bendera adalah gambaran atau simbol menegakkan maruah bangsa, agama dan negara demi kedaulatan raja kerana bendera adalah lambang keteguhan dan ketaatan rakyat kepada kepimpinan Baginda Sultan. Dalam sejarah Islam telah digambarkan bagaimana pengibaran bendera negara berperanan menguatkan dan mengukuhkan lagi semangat keberanian dan perjuangan dalam kalangan tentera Islam. Perkara ini boleh dirujuk dalam catatan Sejarah Islam pada zaman Rasullullah Sallalahu Wasallam sebagaimana yang digambarkan dalam peristiwa Perang Mu'tah antara Tentera Islam dengan Tentera Rome pada sekitar tahun 629M iaitu pada akhir kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam peperangan tersebut Panglima Islam yang memegang bendera di barisan depan telah sanggup mengorbankan nyawa mereka demi mempertahankan bendera Islam daripada jatuhan ke bumi.

Kenyataannya, bendera adalah maruah negara kita, sesiapa saja akan rasa marah sekiranya bendera negaranya dihina, dipijak atau dibakar dan sebagainya. Manakala di NBD sempena sambutan Hari Keputeraan dan Hari Kebangsaan, kita hanya dikehendaki mengorbankan masa, tenaga dan sedikit wang ringgit untuk mengibarkan bendera negara demi menandakan semangat cintakan negara, agama dan Raja. Oleh itu, acara dan pengalaman menaikkan dan menurunkan bendera negara adalah lambang wujudnya semangat patriotik yang tulen dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini. Ianya adalah bukti kepada kesanggupan jiwa dan raga setiap penduduk dan rakyat NBD untuk bersatupadu menegakkan survival kewujudan pemerintahan Kesultanan Melayu Islam yang merdeka dan berdaulat di bumi Brunei Darussalam. Malahan kita telah dididik dan diajar supaya menghormati bendera negara dengan berdiri tegak apabila sahaja Lagu Kebangsaan dinyanyikan dalam apa juga majlis-majlis rasmi dan kebangsaan sama ada dalam atau di luar negara sebagai tanda semangat kejadian kebruneian yang kukuh dan kental. Lagipun menaikkan bendera negara dengan dengar menyanyikan Lagu Kebangsaan adalah juga merupakan doa kita pada Allah Subhanahu Wata'ala supaya raja, rakyat dan negara ini sentiasa dalam keadaan selamat dan dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala serta sebagai tanda kesyukuran atas nikmat dan rahmat yang dikurniakan. Makanya kita harus menyedari bahawa menghormati bendera negara juga adalah sebagai lambang jati diri yang mempunyai semangat patriotik dalam amalan hidup bersandarkan nilai-nilai MIB. Semangat patriotik yang kukuh dan kuat perlu dimiliki oleh rakyat dan penduduk NBD terutama dalam kalangan generasi muda yang bakal mewarisi bangsa Brunei pada masa akan datang.

Golongan orang munafik



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian, cabaran dan rintangan yang memerlukan keimanan dan ketakwaan yang teguh agar seseorang itu sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak terjerumus ke lembah maksiat. Oleh itu, bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh orang-orang yang beriman dan janganlah menjadi seperti golongan munafik, iaitu orang-orang yang mengaku dirinya beriman pada hal sebenarnya dia tidak

beriman. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 8 - 9 :

Tafsirnya : "Dan di antara manusia ada yang berkata : Kami telah beriman kepada Allah dan hari akhirat, pada hal sebenarnya bukan orang beriman, mereka (orang-orang munafik) mahu memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal sebenarnya mereka memperdayakan diri mereka sendiri, sedang mereka tidak menyadarinya."

Ketahuilah orang munafik adalah orang yang berpura-pura beriman sedangkan hati tetap kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Para ilmiah menggolongkan munafik kepada dua bahagian, iaitu :

Pertama : Munafik iktikadi, iaitu munafik dari segi akidah dan iktikad (kepercayaan), mereka ialah orang-orang yang mengaku beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala secara luaran sahaja. Hakikatnya, mereka ragu-ragu dengan kebenaran Islam dan keesaan Allah Subhanahu Wata'ala. Malahan hati mereka ingkar, kufur dan syirik (menyekutukan Allah). Segala amal perbuatan yang dikerjakan bukan atas dasar keimanan dan ketakwaan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, akan tetapi dengan niat yang lain, iaitu untuk menunjuk-nunjuk harta, pangkat, kekayaan dan mengambil hati masyarakat. Perbuatan baik yang dilakukan adalah sebagai penutup keburukan niatnya untuk menentang Islam. Golongan munafik akan dimasukkan ke tingkat neraka paling bawah di akhirat kelak.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa', ayat 145 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terbahaw sekali dari (lapisan-lapisan) neraka. Engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka."

Kedua : Munafik amali, iaitu munafik dari segi perbuatan dan amalan, mereka ini tetap menjadi orang Islam, akidahnya masih mempercayai Allah dan Rasul-Nya serta rukun-rukun iman, akan tetapi perbuatan dan amalannya menjerus kepada melakukan dosa-dosa besar. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : tanda-tanda orang munafik

itu ada tiga. Berkata dia berdusta, jika berjanji ia ingkar; apabila diberi amanah dia mengkhianati." (Riwat Al imam Al Bukhari).

Berdasarkan hadis tersebut terdapat tiga ciri-ciri munafik dari segi perbuatan dan amalan :

Pertama : Bercakap bohong dengan membuat penjelasan, kenyataan dan penerangan yang dusta, memutar belit dan memesongkan keterangan yang sebenar, mengubah dan menokok tambah kenyataan yang sebenar baik secara terang-terangan mahu pun secara sembunyi-sembunyi termasuk 'betapuk' membuat penerangan mengenai sesuatu hukum dan amalan.

Kedua : Ingkar kepada janji-janji yang telah dipersestui bersama atau mungkir janji.

Ketiga : Mengkhianati amanah-amanah yang diberikan atau dipertanggungjawabkan kepadanya seperti bekerja sambil lewa dan menggunakan amanah atau kuasa yang diberikan kepadanya untuk kepentingan diri dan keluarganya seperti pecah amanah, rasuah dan sebagainya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai akhlak mulia yang menjadi ikutan dan contoh teladan kepada sekalian manusia. Oleh itu, sebagai umat Islam kita wajib mengetahui sifat-sifat benar dalam semua perkataan dan perbuatan, bersifat jujur dan diperayai, menyampaikan, dan bijaksana dalam menyebarkan dakwah Islamiyah. Sifat ini sepatutnya menjadi pakaian umat Islam jika mahu berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Oleh itu, untuk menjadi orang yang beriman kita hendaklah mengamalkan sifat-sifat ini dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti bercakap bohong, berbuat khianat dan mungkir janji kerana sifat-sifat tersebut adalah tanda-tanda orang yang munafik. Di samping itu, terdapat beberapa perkara yang boleh kita lakukan bagi menghindari dan mengelakkan diri daripada sifat-sifat munafik iaitu :

- Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

- Bersifat jujur dan amanah.

- Hendaklah berhati-hati dalam membuat perjanjian dengan orang lain kerana janji memang ringan dan mudah diucapkan namun berat untuk ditunaikan.

- Apabila berbicara hendaklah bercakap

benar dan sentiasa menjaga lisan.

- Janganlah menerima amanah seandainya kita tidak sanggup untuk memikulnya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala banyak memberi peringatan di dalam Al-Quran dengan menerangkan dengan jelas perihal orang-orang munafik. Dalam Al-Quran juga terdapat satu surah khas, iaitu Surah Al-Munafiqun bagi menggambarkan betapa bahayanya sifat munafik tersebut. Surah Al-Munafiqun menjelaskan tentang undang-undang dan hukum-hukum serta peristiwa yang melanda masyarakat Madinah selepas hijrah, khususnya berkaitan dengan timbulnya gejala nifak atau munafik. Dalam surah ini menjelaskan ciri-ciri golongan munafik seperti sikap berpura-pura beriman, bersumpah palsu, pengecut, berkomplot menentang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menghalang orang ramai daripada mengikuti agama Allah. Perwatakan mereka dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya umat Islam dapat mengenal dan berwaspada terhadap mereka. Seterusnya surah ini juga menerangkan tentang sikap sinis dan angkuh golongan munafik. Mereka mendakwa bahawa mereka lahir golongan yang mulia. Kerana itu, mereka bercadang untuk mengusir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan orang-orang beriman keluar dari Madinah. Atau bagaimanapun, rancangan tersebut tidak berjaya kerana kehendak Allah mengatasinya segala-galanya.

Mariyah kita menjauhkan diri daripada sifat-sifat tercela agar kita tidak tergolong orang-orang yang munafik. Sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan orang-orang yang benar beriman terhadap Allah dan Rasul-Nya dan mudah-mudahan kita sentiasa dilindungi dan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga. Amien Ya Rabbal Alamin.

Surat Al-Munafiqunn, ayat 1 :

Tafsirnya : "Apabila orang-orang munafik datang kepada mu wahai Nabi Muhammad, mereka berkata : Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau sebenar-benarnya ialah Rasul-Nya. Dan Allah menyaksikan sesungguhnya orang-orang munafik itu ialah pendusta."

Timbalan Mufti hadiri Persidangan Am Ke-27



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (kiri) bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan Am Majlis Tertinggi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-27.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @

Maidin bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan Am Majlis Tertinggi Hal Ehwal Ugama Islam Ke-27 atas jemputan Menteri Awqaf Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama

Profesor Dr. Mohamed Moktar Gomaa.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Mufti Kerajaan, persidangan dua hari itu akan bermula pada 11 sehingga 12 Mac ini dan diadakan di Hotel Grand Nile Tower, Garden City, Kaherah Mesir.

Turut mengiringi Timbalan Mufti Kerajaan ke persidangan tersebut ialah Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abd. Rahman bin Pengarah Haji Mokti.

Persidangan tahunan tersebut dikelolakan oleh Majlis Tertinggi Hal Ehwal Ugama Islam, di bawah naungan Kementerian Awqaf Republik Arab Mesir.

Tema persidangan pada kali ini ialah 'The role of Leaders and Decision makers in the dissemination of the culture of peace and the combating terrorism and other challenges' (Peranan Para Pemimpin dan Pembuat Keputusan dalam menyalurkan budaya keamanan dan memerangi keganasan dan lain-lain cabaran).

Kaunter pembayaran Jabatan Tanah ditutup setengah hari

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Jabatan Tanah memaklumkan semua pelanggannya bahawa, berikut dengan penutupan akaun Tahun Kewangan 2016 / 2017, semua kaunter pembayaran di Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara; Pejabat Tanah Daerah Tutong; Pejabat Tanah Daerah Belait dan Pejabat Tanah Daerah Temburong akan beroperasi sebelah pagi sahaja, iaitu pada hari Khamis, 30 Mac 2017 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

KUPU SB tingkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Lughah Al-Mu'allim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Dalam mempertingkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Bengkel Lughah Al-Mu'allim yang dikhushuskan kepada pegawai pelajaran dan guru bahasa Arab

di bawah Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Seramai 20 peserta menyertai bengkel selama 10 minggu itu bermula 8 Mac hingga 24 Mei 2017 yang diadakan setiap hari Rabu mulai jam 2.00 petang hingga 4.30 petang. Hadir pada majlis perasmian

bengkel yang berlangsung di Dewan Ta'alim, KUPU SB di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Bengkel Lughah Al-Mu'allim diadakan sebagai medium tahnis atau meningkatkan kemampuan para guru dalam menguasai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Penolong Pensyarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dayang Nurul Azimah binti Abd. Hamid ketika ditemui berkata, bengkel ini merupakan yang pertama kali diadakan oleh KUPU SB khusus bagi guru-guru yang mengajar bahasa Arab bagi sekolah-sekolah Arab di bawah JPI, KHEU.

"Tujuan bengkel adalah untuk menghalusi lagi kemampuan para guru dalam menguasai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar dapat diperbaiki dan dikemas kini di sekolah masing-masing," ujarnya.

Tambahnya, fasilitator bengkel adalah Pensyarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dr Abdel Baset Slama Abdel Baset Sabaie Hekal yang akan memfokuskan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab kepada peserta.

Beliau berharap, para peserta dapat mengambil ilmu dan mengetahui

lagi tentang kaedah-kaedah baharu dalam mengajarkan bahasa Arab untuk diaplikasikan dalam pengajaran mereka di sekolah-sekolah.

Sementara tujuan utama bengkel diadakan ialah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Keenam 2016, di samping memastikan guru dapat menguasai empat kemahiran asas dalam bidang bahasa Arab, iaitu Istima', Qira'ah, Kitabah dan Kalam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan guru dengan pedagogi pengajaran bahasa Arab yang terkini dan lebih efektif serta bertukar-tukar pengalaman dan isu-isu yang dihadapi di sekolah masing-masing dalam bidang serta mencari mekanisme terbaik ke arah penyelesaian dan pembaikan yang berkesan.

Bengkel juga diharap dapat memberi manfaat serta nilai tambah bagi para peserta dalam meningkatkan serta menghalusi lagi penguasaan

dalam teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar dapat melahirkan pelajar yang benar-benar berkemampuan serta berkemahiran dalam empat aspek iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Arab.



PENOLONG Pensyarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dayang Nurul Azimah binti Abd. Hamid.

Mangsa kebakaran terima agihan wang zakat



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Mac. - Dalam usaha untuk meringankan beban mangsa kebakaran baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menyerahkan sejumlah BND1,800 wang agihan zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampung Salambigar.

PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop (kiri) menyampaikan agihan zakat kepada seorang penerima dari keluarga mangsa rumah kebakaran di Kampung Salambigar.

Salambigar Jalan Muara.

Hadir menyerahkan agihan zakat pada majlis yang berlangsung di Bilik Seroja, KHEU itu ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop.

Agihan zakat yang berupa bantuan kewangan telah diserahkan kepada pemilik rumah, Dayang Hajah Zaibidah binti Haji Lampoh, yang menerima sejumlah BND200, dua anak serta lima cucu dan pembantu rumah sebanyak BND200 seorang, di samping bantuan alat-alat

bahtuan sekolah.

Para penerima merupakan mangsa yang terlibat dalam musibah kebakaran pada 17 Februari 2017.

MUIB berharap, agihan wang zakat itu dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa dan dalam masa yang sama menyeru kepada mereka supaya lebih berhati-hati serta berwaspada dalam menjaga keselamatan anggota keluarga daripada ditimpah musibah.

Jerayawara Program OBBD terus diberigakan kepada masyarakat

Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

MUKIM PENGKALAN BATU, Rabu, 8 Mac. - Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) adalah salah satu agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035 melalui strategi jaminan sosial selaras dengan objektif penubuhannya, iaitu untuk membolehkan para belia membina ketahanan fizikal dan

kemantapan mental.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk melengkapkan diri dengan sifat-sifat tabah, berani, sabar, berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab serta dapat menyesuaikan diri dengan apa jua keadaan dan cabaran kehidupan.

Sehubungan dengan itu, OBBD

melaksanakan inisiatifnya untuk bergerak membuat pendekatan dengan memberi pengetahuan kepada masyarakat terutama golongan belia akan kelebihan dan kepentingan kewujudan OBBD melalui sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi pengajian tinggi dan seumpamanya.

Bagi tujuan tersebut, satu sesi taklimat dan jerayawara telah diadakan di IBTE Kampus Agro-Teknologi Wasan serta demonstrasi beberapa permainan yang berkongsepkan Outward Bound (OB) bagi tujuan untuk menarik minat para belia yang menuntut di institusi berkenaan bagi menyertai kursus yang disediakan oleh OBBD.

Taklimat mengenai OBBD telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1, Awang Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly juga selaku Ketua OBBD.

Awang Mohamad Rosfazilah dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai definisi, visi, misi, fungsi serta kegiatan OBBD.

Menurutnya antara tujuan utama jerayawara ini dianjurkan adalah bagi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai konsep pembelajaran yang disediakan oleh OBBD selain membarigakan program yang terdapat di OBBD selaras dengan Wawasan Negara 2015 iaitu ke arah melahirkan pelajar yang



AWANG Mohammad Hafiz bin Huzaini dari jurusan HNTEC Agro-Teknologi.



DAYANG Nur 'Afiqah binti Nordin dari jurusan HNTEC Agro-Teknologi.

berkepimpinan, berdisiplin, dedikasi, berprestasi dan berjiwa besar.

Di samping itu jelasnya, ianya juga bagi memupuk minat para pelajar akan kepentingan kegiatan luar yang berorientasikan alam semula jadi.

Awang Mohammad Hafiz bin Huzaini dan Dayang Nur 'Afiqah binti Nordin, penuntut dari jurusan HNTEC Agro-Teknologi ketika ditemui berkata, jerayawara ini sedikit sebanyak membantu mereka untuk

memahami fungsi sebenar OBBD dan berharap suatu hari nanti mereka akan berpeluang untuk menyertai kursus yang ditawarkan oleh OBBD.

OBBD akan meneruskan siri taklimat dan jerayawara ini ke sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi pengajian tinggi yang lain bagi sama-sama mencapai objektif penubuhan OBBD dan sekali gus sama-sama menjayakan Wawasan Negara 2035.



PARA pelajar IBTE Kampus Agro-Teknologi Wasan semasa menghadiri taklimat.

Sekolah Rendah Tumpuan Telisai juara Kluster 5

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 9 Mac. - Sekolah Rendah Tumpuan Telisai muncul juara Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5 bagi Tahun 2017 setelah mengalahkan Sekolah Rendah Binturan pada perlawanan akhir dengan keputusan 1 - 0 yang berlangsung di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong, di sini.

Keputusan tersebut sekali gus menjadikan Sekolah Rendah Binturan naib johan, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Sekolah Rendah Sinaut mengecewakan Sekolah Rendah Muda Hashim dengan jaringan 1 - 0.

Pemain terbaik dimenangi oleh

Awang Mohd. Firdaus Aiman bin Mohd. Fadzillah dari Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, manakala dari sekolah yang sama, Awang Mohd. Amin Syahmi bin Haji Mohd. Jazmi berjaya memenangi penjarang terbanyak kejohanan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhalee.

Terdahulu tetamu kehormat diperkenalkan kepada guru-guru pengawas pasukan, pengadil-pengadil kejohanan dan pemain-pemain yang akan berentap di kejohanan tersebut dan diakhiri penyampaian hadiah

kepada para pemenang dan sijil penyertaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan tersebut disertai oleh 15 buah sekolah-sekolah rendah kluster 5 yang berlangsung selama sembilan hari bermula pada 27 Februari lalu.

Turut hadir ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong, Guru Besar Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Guru-Guru Besar sekolah yang terlibat dan juga guru-guru pengawas pasukan bola sepak sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan ini.

Projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum cawangan Daerah Tutong tersebut antara lain bertujuan menjalankan hubungan silaturahim dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluahan budi serta



PEMANGKU Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhalee menyampaikan piala kepada wakil Sekolah Rendah Tumpuan Telisai yang muncul juara pada kejohanan tersebut.

membina jasmani dan rohani yang sihat dan mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.



PEMANGKU Naib Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Md. Yusof diperkenalkan kepada para pemain.

Tahukah Awda

PERTANDINGAN Membaca Al-Quran Peringkat Negeri di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula selepas Perang Dunia Kedua kira-kira dalam tahun 1948 di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazaul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

NBD mula menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun 1961 setelah menerima jemputan dari Malaysia atau dahulunya dikenali dengan Kerajaan Malaysia dengan menghantar dua qari negara.

Pada tahun 1965, Kerajaan Malaysia meluaskan skop Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa kepada penyertaan qariah dan NBD telah menghantar seorang qariah.

Negara meraih kemenangan pertama persada antarabangsa pada tahun 1973 apabila qari negara, Allahyarham Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit menduduki tempat ketiga. Empat tahun berikutnya, Allahyarham mengharumkan NBD di mata dunia apabila dinobatkan sebagai johan qari Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun 1977 menewaskan 18 peserta negara lain.

SUMBER : Rencana 'Al-Quran temanku menceriakan hidupku', akhbar Pelita Brunei, edisi Rabu, 8 Mac 2017.



Liga Remaja Bawah 16 Tahun dirasmikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Mac. - Liga Remaja Bawah 16 Tahun 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disokong oleh Badan Induk Bola Sepak Dunia (FIFA) yang bermula hari ini akan menyaksikan sebanyak 11 buah pasukan berentap dalam edisi ke-2 liga berprestij ini.

Hadir merasmikan liga yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas ialah Pemangku Naib Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Md. Yusof.

Sebelum pembukaan perlawanan yang menyaksikan pertemuan antara Tabuan 'A' menentang Projek Ikan Pusu, tetamu kehormat terlebih dahulu

diperkenalkan kepada para pemain.

Pendaftaran telah dibuka kepada semua pasukan di bawah 16 tahun (U16) di seluruh negara dan pasukan-pasukan terdiri daripada pemain remaja yang lahir pada tahun 2001, 2002 dan 2003.

Para pemain telah mengikuti undang-undang permainan bola sepak yang terbaru dan disemak dalam pemantauan FIFA.

Liga ini dijalankan dalam dua pusingan (*home and away*) yang akan menganugerahkan Piala Juara, Piala Berakas, Cabaran, Runners Up, pingat-pingat, Anugerah Fairplay, Pemain Paling Bernilai dan Anugerah Penjaring Terbanyak Liga.

Semua perlawanan akan diadakan pada hari Jumaat dan Ahad bermula jam 7.00 pagi bertepat

di Padang Artificial, NFABD, Berakas; Padang 'A' dan 'B'; Kompleks Sukan Menglait, Kompleks Sukan Sungai Kebun dan Padang Kemasyarakatan Bengkuron dan masuk adalah percuma.

Antara objektif kejohanan yang bakal berlangsung sehingga November 2017 nanti adalah untuk menyediakan pemain di bawah 16 tahun untuk bermain, menikmati dan menimba pengalaman di pertandingan peringkat kebangsaan selain menyediakan platform untuk jurulatih dan pendidikan pengadil di peringkat akar umbi.

Pada masa yang sama, ia juga menggalakkan pegawai, jurulatih dan pemain ke arah kesukuan yang baik dan kod adil tingkah laku (*fairplay*) serta menggalakkan kelab-kelab bola sepak tempatan untuk memulakan pembangunan belia dari usia muda termasuk sebagai platform pembangunan untuk pasukan kebangsaan masa depan.



PERLAWANAN pembukaan antara Tabuan 'A' (jersi putih) menentang Projek Ikan Pusu (jersi kuning).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'BELANJAWAN SEIMBANG MENDUKUNG PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAPAN'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردا متری دان چیتیق اوله جباتن فرچیتئن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.